

Volume III
No. 26



Wednesday
1st February, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 3901]

BILL:

The Supply Bill, 1967—

Committee of Supply (Third Allotted Day)—

Head S. 12 [Col. 3927]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Wednesday, 1st February, 1967

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr (Deputy) Speaker, TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Labour, Tuan V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULEIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

- The Honourable the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN
(Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, J.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

The Honourable WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

- .. TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- .. DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- .. TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- .. TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- .. TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- .. TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- .. TUAN THOMAS KANA (Sarawak).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- .. TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- .. TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- .. TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- .. TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasar Mas Hilir).
- .. DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- .. TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- .. TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- .. TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- .. RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- .. TUAN SANDOM ANAK NYUAK, A.M.N. (Sarawak).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- .. TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

- The Honourable TUAN SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN YEY PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., DATO' Bendahara, Perak.
- „ the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister for Local Government and Housing, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, DATO' ENGGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

The Honourable TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
 „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
 „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
 „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
 „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
 „ DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kota Star Selatan).
 „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
 „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
 „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
 (Kuala Kangsar).
 „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
 (Pasir Puteh).
 . ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
 „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
 A.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
 „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
 „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
 „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
 „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
 „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr (Deputy) Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

BILANGAN KELUARGA YANG DI-TEMPATKAN DI-KAWASAN² LEMBAGA KEMAJUAN TANAH

1. Dr Tan Chee Khoon (Batu) bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, berapa bilangan keluarga yang telah di-tempatkan di-kawasan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sejak di-mulakan ranchangan tersebut hingga 31hb Disember, 1966, dengan memberikan angka² yang berasingan bagi tiap² tahun.

The Assistant Minister of National and Rural Development (Tuan Sulaiman bin Bulon): Tuan Yang di-Pertua,

jumlah peneroka yang telah di-tempatkan dalam Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan daripada mula² ranchangan itu di-buka ia-lah seperti berikut:

Tahun		Peneroka
1957	...	400
1958	...	500
1959	...	291
1960	...	1,981
1961	...	715
1962	...	881
1963	...	2,043
1964	...	1,150
1965	...	1,294
1966	...	1,465
Jumlah	...	<u>10,720</u>

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Is the Honourable Assistant Minister of National and Rural Development aware that this total of \$10,720 that he has stated had been settled in the F.L.D.A. schemes, since its inception to the end of 1966, can hardly make any significant impact on the rural population that it is supposed to cater for. It does not, for example, cater for the backlog of people who want to settle in these schemes in 1957. Consequently, for the natural increase in population in the rural areas, even 10,720 families, does not cater for the natural increase in population in one year, let alone take up the backlog in 1957 and of the natural increase every year. Can the Honourable the Assistant Minister tell us how does the F.L.D.A. choose to tackle this problem?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, ranchangan yang sa-umpama ini maseh lagi banyak di-jalankan dan belum lagi di-masokkan orang² ini ka-dalam ranchangan² tanah, maseh lagi menunggu masa, dan bagitu juga banyak lagi orang² kita yang telah kita tempatkan dalam ranchangan Fringe Alienation Scheme dan Controlled Alienation Scheme. Jadi, bukan-lah sa-takat ini sahaja yang telah kita masokkan dalam ranchangan, bahkan lebeh² lagi.

Dr Tan Chee Khoon: I see the Honourable Assistant Minister has tried to draw a red herring by talking about fringe alienation. I have a question pending before this House, and I shall not talk about fringe alienation. I suppose in his reply just now that there are many more schemes in the offing, he is trying to tell us that the gestation period of such schemes takes a long time. These schemes have started in 1957 and now the gestation period would have well been taken care of. For example, if I heard him correctly in 1958 it went to 500, then in 1959 it dipped down to 291, then in 1963 it went up to 2,243, and again it dipped down to 1,150 in 1964, and then it slowly climbed up. One finds it very difficult to understand these things, because if these schemes are well

planned and taken care of—the planning period had taken place long before the settlers actually went there, then one would expect a geometric progression, the settlers would rise up and not to go up, down, go up and down. This is a very erratic way of settling these people in the F.L.D.A. schemes and promising them a glorious life to come, the Utopia that is around the corner.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, saperti mana yang saya katakan tadi, kita jalankan ranchangan itu dengan chara beransor². Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat itu nampak daripada tahun 1964 hingga tahun 1966 itu, tiap² tahun ada lebeh daripada satu ribu peserta yang kita hantar dalam ranchangan² tanah yang sa-umpama ini. Ranchangan kita ini bukan-lah saperti mana tongkat sakti yang kita boleh dengan serta-merta hantar orang itu terus ka-ranchangan tanah. Kita terpaksa-lah siapkan, sediakan ranchangan itu dahulu, baharu kita boleh hantar. Jadi, kalau mengikut saperti mana kehendak Ahli Yang Berhormat ini barangkali susah-lah kita hendak menjalankan kerja, kerana hutan belantara yang kita hendak tebang tebas dan chuchi, dan kemudian hendak tempatkan, hendak siapkan rumah, dan macham² lagi kita mesti jalankan sa-belum kita tempatkan orang yang sa-umpama itu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Soalan tambahan. Apa-kah sebab-nya pehak Kerajaan, atau pun Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, daripada mula berjalan sampai sekarang ini tidak dapat memberi keterangan kepada peneroka², atau pun peserta² di-dalam kawasan itu yang menunjukkan kenyataan perbelanjaan yang telah di-belanjakan oleh pehak Kerajaan, atau pun pehak Lembaga Kemajuan Tanah itu dengan tidak terkena kepada peserta² dan berapa banyak-kah hutang² yang di-tanggung oleh peserta itu yang harus peneroka, atau pun peserta itu patut mendapat tahu, tetapi sampai sekarang ini, sa-panjang yang saya tahu, di-kawasan Kampong Rahmat Chalok di-kawasan saya tidak dapat keterangan apa yang

di-minta oleh peneroka, atau pun peserta itu.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang di-kemukakan ini ia-lah soalan baharu. Jadi, kalau hendak di-kemukakan, sila-lah hantar kenyataan yang lebih awal supaya dapat di-terangkan dan di-nyatakan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah saya tahu daripada Yang Berhormat Menteri bahawa daripada 10,720 orang peserta ini, berapa-kah daripada mereka yang terdiri daripada orang Melayu?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, boleh di-katakan semua sa-kali orang Melayu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baharu² ini dalam tahun 1966 apakala Ranchangan Lembaga Kema-juan Tanah di-Chalok telah boleh menoreh getah-nya itu, pihak peserta² dalam kawasan itu telah menjalankan kerja-nya, tetapi telah berlaku satu kejadian, ia-itu pihak pengurus di-lembaga itu telah mereportkan kepada polis mengatakan peserta² di-dalam kawasan itu telah menjual getah tongkol-nya itu. Apa yang saya ingin tahu, apa-kah arahan, atau pun siaran peratoran² yang telah di-keluarkan kepada peserta² itu supaya di-perhatikan dan di-ikuti supaya tidak berlaku perkara kecil sa-macam itu terpaksa di-reportkan kepada polis dan polis terpaksa mengambil tindakan yang menyebabkan orang² dalam itu tidak senang hati?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, ini satu masalah baharu juga. Saya harap beri-lah keterangan yang cukup kepada Kementerian supaya boleh di-siasat perkara itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-antara 10. . .

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri bertanggung-jawab

di-atas keterangan-nya yang berkata bahawa sa-nya 10,720 orang peserta ini semua-nya orang Melayu, kerana saya ada mempunyai keterangan yang dapat saya tunjukkan di-Rumah ini di-masa yang akan datang bahawa sa-nya banyak di-dalam Ranchangan F.L.D.A. ini di-beri kepada orang bukan Melayu?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, pada keselurohan-nya yang saya katakan tadi orang Melayu, tetapi sa-benar-nya orang Malaysia.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini nampak-nya baharu-lah kita faham dengan terang dan jelas-nya bahawa sa-nya Yang Berhormat Menteri kita tidak bertanggung-jawab di-atas keterangan yang telah di-kemukakan di-dalam Rumah ini yang mula² kata-nya tadi bahawa peserta 10,720 orang ini semua-nya terdiri daripada orang Melayu, tetapi sekarang di-dalam jawapan-nya yang baharu berlawanan pula yang berkata bahawa sa-nya ada juga orang yang terdiri daripada Malaysian. Jadi, bukan-lah Melayu semua-nya.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, saya kata pada keselurohan-nya orang Melayu, tetapi yang sa-benar orang Malaysia. Jikalau sa-kira-nya dia berkehendakkan, Yang Berhormat itu berkehendakkan kenyataan yang sa-penoh-nya, atau yang sa-benar-nya, sila-lah hantar surat berkehendakkan kenyataan yang sa-umpama itu supaya boleh di-tulis betul² apa yang dia hendak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-kalangan 10.720 keluarga ini, ada berapa ribu guru kelas² dewasa dalam itu?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Ini soalan baharu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak, boleh saya beri, sa-kira-nya di-beri notis lebih awal sedikit.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Saya hendak bertanya sedikit ada-kah Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar ini sedar, ada kawasan²

yang di-tempatkan bersama di-antara orang² Melayu dengan tidak Melayu, maka ada kejadian tanaman ubi dan tanaman sayur²an orang² Melayu di-kachau oleh babi² orang lain?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Kalau dapat perhatian sa-umpama itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia ada, silalah beritahu.

TALIGERAM TAHNIAH DARI-PADA PENERUSI VIETCONG NGOYEN HO SHU

2. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ada-kah dia sedar bahawa Parti Buroh dan Parti Ra'ayat telah menerima sa-puchok taligeram tahniah daripada Penerusi Vietcong, NGOYEN HO SHU, kerana telah mengadakan tunjok perasaan sa-masa lawatan Presiden Johnson ka-Malaysia dan, jika sedar, ada-kah Kementerian-nya membuat kesimpulan bahawa kedua² parti itu menerima ilham daripada Kominis dan apa-kah langkah yang akan di-ambil terhadap mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu, bahawa Parti Buroh dan Parti Ra'ayat telah menerima ucapan² tahniah melalui akhbar dan hasil dari penyiasatan² yang telah di-jalankan, tidak-lah menunjokkan yang ucapan² tahniah itu di-harap²kan atau di-pelawa²i atau ia-nya telah di-sampaikan dengan tujuan di-pergunakan untuk tujuan² subversive. Boleh jadi Dewan ini maseh ingat, bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Batu, melalui akhbar telah menafikan dengan tegas, yang parti-nya ada apa² hubungan dengan Hanoi atau Peking.

Saya fikir sekarang ini, sudah-lah menjadi pengetahuan 'am bahawa Kerajaan tidak akan mengambil apa² tindakan ka-atas mana² Parti, atau orang² persaoangan, berdasarkan sa-mata² suatu kejadian, melainkan kejadian itu berupa satu anchaman kapada keselamatan negara.

Jikalau-lah kejadian itu berupa satu anchaman seperti mana yang akan di-

lakukan oleh mana² Kerajaan demokratik dalam dunia ini, Kerajaan tidak-lah akan ragu² lagi mengambil tindakan yang sa-wajar-nya terhadap Parti yang berkenaan.

BILANGAN SHARIKAT PERKAPALAN DI-MALAYSIA

3. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok) bertanya kepada Menteri Pengangkutan:

- (a) Berapa bilangan sharikat perkapalan berlesen yang berjalan di-negeri ini dalam tahun 1966, dan
- (b) ada-kah Kerajaan menggalakkan penubohan sharikat² baharu yang akan belayar di-antara Malaysia dengan India dan di-antara Malaysia dengan Pakistan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon): Tuan Yang di-Pertua, sa-lama ini belum ada pun lesen² yang di-keluarkan untuk maksud ini. Kerajaan mengalu²kan penubohan sharikat perkapalan seperti yang di-maksudkan. Akan tetapi, Kerajaan tidak dapat memberikan taraf kebangsaan bagi sharikat² perkapalan, bagaimana yang tersebut itu.

Pada dasar-nya, Kerajaan bersetuju di-atas penubohan sa-buah Sharikat Perkapalan Kebangsaan, untuk Malaysia. Tetapi, segala butir² akhir mengenai chara² hendak membentuk sharikat ini, belum lagi di-sahkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sa-kira-nya Kerajaan mengalu²kan penubohan sharikat perkapalan yang bukan taraf kebangsaan, dapat-kah saya tahu, bahawa ada-kah sampai kapada pengetahuan Kerajaan, bahawa salah sa-buah Sharikat di-India di-Nagapatam telah meminta hendak menubuhkan sharikat dan sa-hingga pada masa ini belum ada jawapan lagi. Sa-kira-nya perkara ini telah sampai kapada pengetahuan Kerajaan, mengapa-kah perkara itu tidak dapat di-bereskan, pada hal pada dasar-nya,

Kerajaan mengalu²kan penubohan seperti itu.

Tan Sri Haji Sardon: Saya fikir, Yang Berhormat daripada Bachok ini salah faham. Yang saya katakan Kerajaan menggalakkan *private shipping enterprises*, berma'ana Ahli Yang Berhormat sendiri boleh menubuhkan bagaimana yang di-katakan Nagapattam, entah apa benda-kah nama penoh-nya tadi (*Ketawa*) dan tidak berkehendakkan permit atau kebenaran daripada Kerajaan atau daripada sa-siapa pun. Maka perkara itu tak sampai kepada saya, dan tak mesti sampai kepada saya. *Registrar of Companies* yang bertanggung-jawab atas pendaftaran sharikat² perkapalan sama ada *private limited company*, atau *public limited company*.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya tidak ada apa² urusan dengan pihak Kementerian, apabila sharikat kapal yang baharu hendak di-tubuhkan, berarti tidak-lah payah di-beri tahu kepada Kementerian ini. Kapal ini kapal betul, Tuan Yang di-Pertua, bukan kapal layar Parti Perikatan (*Ketawa*), jadi ada-kah Menteri kita akan menyokong penubohan itu.

Tan Sri Haji Sardon: Tak perlu disokong, masukkan pendaftaran, kerana macham satu sharikat sahaja, macham berniaga apa juga perniagaan. Barangkali Ahli Yang Berhormat daripada Bachok ini menyangka Kerajaan boleh bagi kebenaran kapal ini, boleh pergi balek ka-India, ka-Malaysia, itu kita tak ada buat. Itu di-katakan *Shipping Conferences*. Itu Far East Conferences ada, tetapi itu international shipping berkenaan dengan India, dengan Malaysia, ini suka² hati-lah, kalau ada perdagangan boleh-lah berniaga, kalau tak ada tutup-lah sharikat kapal itu tiga bulan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Adakah Sharikat Melayu-Jerman maseh hidup lagi, atau telah berkubor bersama² dengan hukuman yang di-jatuhkan oleh mahkamah ka-atas sa-tengah² Tuan Pengarah-nya.

Tan Sri Haji Sardon: Perkara ini Registrar of Company yang boleh jawab. Kementerian Pengangkutan tidak bertanggung-jawab atas mati-kah, atau hidup-kah sharikat itu.

MENGAMBIL PAKAR² DARI RUSSIA UNTUK BERKHIDMAT DI-PELABOHAN MALAYSIA

4. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah Kerajaan akan menimbang, mengambil pakar² dari Russia untuk berkhidmat di-pelabohan² Malaysia dalam tahun 1967.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, semua jawatan di-Lembaga Pelabohan Pulau Pinang dan Port Swettenham sekarang ini telah di-warganegarakan, atau pun semua jawatan yang tinggi pun di-pegang oleh warganegara sendiri dengan sa-penoh-nya. Dan pentadbiran kedua² Lembaga tersebut sekarang ini telah dapat di-jalankan dengan chekap dan sempurna. Oleh yang demikian saya berasa tidak ada sebab untuk memakai atau menggunakan pakar² daripada Russia atau daripada mana² negeri sa-kali pun, untuk bertugas di-pelabohan² Malaysia ini, kechuali sa-kira-nya ada perkara yang istimewa, barangkali, bukan sahaja negeri Russia, negeri mana²-lah yang ada satu chara pelabohan yang hendak kita ikut. Chara yang baharu dan orang kita tidak ada, barangkali boleh kita timbangkan kalau sampai waktu-nya nanti. Tetapi, tidak-lah tahun 1967, bagaimana pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini ia-lah kerana pelabohan kita di-Port Swettenham dan di-Pulau Pinang itu tidak dapat di-lawati oleh kapal² yang besar. Jadi dalam surat² khabar luar negeri, ada berita² mengatakkan pakar² berkenaan dengan pelabohan daripada Russia ini suka berkhidmat dengan jalan Peace Corps. Jadi mereka itu menumpukan usahanya kepada Tenggara Asia ini. Jadi sebab itu-lah saya bertanya, ada-kah

perkara ini sampai kepada pengetahuan Kerajaan, dan kalau sa-kiranya Kerajaan berharap supaya pelabohan Pulau Pinang dan Port Swettenham itu bertambah elok lagi, maka ini-lah di-maksudkan sama ada Kerajaan hendak mengambil pakar² itu untuk menasehatkan pembangunan pelabohan² itu, bukan untuk berkhidmat sa-bagai pegawai.

Tan Sri Haji Sardon: Perkara itu, kalau di-kehendaki perkara yang sademikian, akan di-timbangkan pada masa hadapan, tidak sekarang ini. Ahli Yang Berhormat ada menyatakan tahun 1967, jawapan saya pada tahun 1967 tahun ini-lah. Tidak ada pakar² daripada Russia yang di-kehendaki di-tempat² pelabohan ini. Dan saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat, kalau belum pergi ka-pelabohan Pulau Pinang dan Port Swettenham, sila di-jemput. Kapal yang besar², pelabohan kita 40 kaki dalam-nya, kapal yang besar² memang hari² keluar masok, bukan kapal besar tak boleh datang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri yang berkenaan menjamin kepada Rumah Yang Berhormat ini, pakar² yang ada sekarang ini bekerja di-Pelabohan Port Swettenham dan Pulau Pinang sa-betulnya pakar tulen, atau saperti yang dikatakan oleh wakil dari Bukit Bintang, pakar² itu telah di-hantar ka-Eropah untuk berlateh di-sana.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, barangkali wakil Yang Berhormat daripada Batu ini terkeliru dan tersasul. Yang di-tanya oleh Ahli dari Bachok tadi sa-benar-nya pakar berkenaan dengan pembena²an pelabohan, jadi ini tidak timbul. Berkenaan dengan pakar² yang di-gunakan di-pelabohan Pulau Pinang dan Port Swettenham ialah pakar kerana mengurangkan perbelanjaan dan memperbaiki sistem bekerja yang sudah terbukti bukan pakar² pokak, tetapi pakar² terkenal di-dunia. Harap terek balek, kalau hendak tudoh pakar pokak, tidak ada keterangan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak tahu

pakar² ini semua, sa-betul-nya pakar² tulen atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon: Saya sudah jawab, tidak faham lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah erti-nya bahawa pada tahun 1967 ini kita tidak memanggil lagi pakar² daripada Russia tetapi pada tahun 1968 kita akan memanggil?

Tan Sri Haji Sardon: Ini soal tahun 1967, kita akan timbang lagi apabila sampai tahun 1968.

MENJADIKAN PORT SWETTENHAM SA-BUAH PELABOHAN UTAMA

5. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pengangkutan

(a) sa-jauh mana-kah sudah terchapai kemajuan dalam usaha hendak menjadikan Port Swettenham sa-buah pelabohan utama bagi Malaysia; dan

(b) apa-kah sebab² yang melambatkan usaha itu.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah menjadi dasar Kerajaan Perikatan hanya untuk membangunkan dan membesarkan pelabohan Port Swettenham sa-bagai satu²nya pelabohan yang utama bagi tanah besar Malaysia. Pelabohan Pulau Pinang dan Pelabohan Port Swettenham mempunyai tugas² yang sama sa-bagai pelabohan² utama bagi tanah besar Malaysia. Pelabohan Pulau Pinang berkhidmat untuk negeri² di-sebelah Utara Malaysia ia-itu negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak dan jika jalan sudah di-buka sampai ka-Pantai Timor, Kelantan, Trengganu pun masok juga, akan dekat, di-potong beberapa batu ka-Butterworth sana. Sementara pelabohan Swettenham berkhidmat untuk negeri² di-bahagian tengah Malaysia Barat ia-itu negeri² Selangor, Negeri Sembilan dan juga Melaka dan juga untuk negeri² di-Pantai Timor di-Malaysia Barat pada waktu ini. Maka oleh sebab itu didalam Ranchangan Pembangunan

Malaysia yang pertama telah di-peruntukkan sa-banyak \$44.5 juta bagi menyelesaikan kerja² membena dermaga² ayer dalam di-Butterworth dan ini tidak termasuk perbelanjaan yang di-keluarkan oleh Surohanjaya Pulau Pinang itu sendiri yang berjumlah kira² \$10,000,000 lagi.

Demikian pula satu perbelanjaan sa-banyak \$20,000,000 telah di-peruntukkan bagi membena dua buah lagi dermaga di-Pelabohan Swettenham dan belanja-nya untuk kerja² menambah kawasan dermaga untuk bukan sahaja dua buah bahkan lima pada masa depan kalau hendak di-tambah lagi pun senang, sudah di-tambah benda² itu. Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa di-dalam ucapan Belanjawan ada di-sebutkan tentang langkah² yang sedang di-ambil untuk menggalakkan penggunaan yang lebih besar lagi terhadap Pelabohan Swettenham bagi keperluan perdagangan² Malaysia.

Pertama, tariff² menguatkan untuk export ya'ani pembayaran di-pelabohan yang di-katakan tariff itu, muatan untuk impot dan export melalui pelabohan ini, ya'ani Port Swettenham, ka-pelabohan² di-seluruh Malaysia ini dan Timor Malaysia sa-balek-nya telah di-kurangkan sa-banyak \$1.30 satu tan semenjak 20 haribulan Januari, tahun ini. Tindakan ini akan menambahkan perdagangan di-antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor dan sharikat² perkapalan di-sebelah Timor dan Barat telah pun menyatakan kesanggupan mereka untuk menambahkan lagi pelayaran-nya apabila bertambah pula lalu lintas antara Malaysia Timor dan Malaysia Barat.

Kedua, untuk menjamin supaya sa-boleh²-nya semua export² Malaysia di-hantar melalui pelabohan² Malaysia sendiri, tariff² keretapi atau tambang² keretapi daripada steshen² keretapi di-negeri² di-Pantai Timor akan di-kurangkan sa-banyak \$2 sa-tan. Sementara pembayaran pelabohan untuk meng-export getah² akan di-kurangkan juga sa-banyak \$1.30 satu tan. Kerajaan juga bersedia untuk mengurangkan tambang² keretapi dan pelabohan untuk meng-export atau mengeluarkan kayu kayan

akan tetapi ini akan bergantung kepada penambahan atau kemampuan pengeluaran kilang² papan atau sawmill² di-daerah Kuala Lumpur dan Klang sa-belum tambang² ini dapat di-laksanakan. Ada beberapa sharikat² yang mengeluarkan getah susu dan kelapa sawit sa-chara hantar banyak² (in bulk) telah meminta kepada lembaga Pelabohan Swettenham untuk meluaskan lagi kawasan simpanan tangki² mereka dan ada juga sharikat² yang sa-lama ini tidak menggunakan pelabohan itu telah meminta supaya mereka di-beri kawasan di-Pelabohan Swettenham untuk penggunaan mereka.

Dengan ini maka jelas-lah bahawa Kerajaan Perikatan, menerusi Kementerian Pengangkutan, sedang menjalankan usaha daya dengan sa-beberapa daya yang ada untuk menjamin kegunaan penuh Pelabohan Swettenham untuk keperluan mengeluarkan barang² yang di-keluarkan di-sekitar daerah atau negeri² yang menggunakan pelabohan ini. Sementara itu sukachita saya menyatakan bahawa jumlah kapal²—ini kapal besar bukan kapal layar—yang singgah di-Port Swettenham dan barang² yang di-punggah terus bertambah daripada 2,017 buah pada tahun 1965 kepada 2,167 buah pada tahun 1966 dan 14 buah sharikat² perkapalan yang baru telah mulai menggunakan pelabohan Port Swettenham. Jumlah tan barang² dagangan yang kering yang di-punggah di-pelabohan ini telah mencapai satu angka istimewa, rekod baru, ia-itu sa-banyak 1,268,000 tan. Ini adalah penambahan sa-banyak 4% daripada tahun 1965. Sementara barang² dagangan chair atau pun yang bukan keras-lah hantaran melalui pelabohan ini telah bertambah daripada 368,000 tan pada tahun 1965 kepada 425,000 tan pada tahun 1966 ini. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Bachok faham Kerajaan Perikatan tidak melengah²kan kemajuan yang di-tuntut dari segi negara dan perhubungan international menerusi kapal² yang besar² daripada seluruh dunia ini singgah di-Port Swettenham dan Pulau Pinang. Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya hendak menafikan—saya tidak pernah menuduh bahawa Kerajaan Perikatan melambat²kan tetapi saya hendak tahu daripada Kementerian ini buat kerja, sebab Kementerian ini yang melambat²kan. Jadi, soalan tambahan, ini, Tuan Yang di-Pertua (a) dalam Pembangunan Malaysia Yang Pertama kita maseh belum menyelesaikan kerja² untuk memajukan Port Swettenham dalam mana kita telah menggunakan sa-orang penasihat pelabohan daripada warganegara Pakistan yang nama-nya Mohammad Ma'arof dan maklumat yang sampai pada saya bahawa kerja² ini belum selesai dan khidmat-nya sudah terhenti sama ada di-berhentikan atau pun dia minta berhenti saya tidak tahu, oleh kerana penasihat ini tidak ada maka banyak perkara² telah terbengkalai dan kalau ini berlaku ada-kah pehak Kementerian kita akan memberitahu kepada Kerajaan kita supaya mengambil semula pegawai itu, membangunkan kerja²-nya.

Yang kedua, di-antara barang² yang begitu banyak tan masok termasuk-lah barang² yang tak keras, jadi, apa-kah barang yang tak keras itu termasuk (Ketawa) dan yang (c) 1,260 buah kapal, di-antara 1,260 buah kapal ini ada-kah termasuk kapal² daripada Jawa (Ketawa).

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan yang pertama itu tak timbul. Kalau hendak tanya berkenaan dengan Manager Mohammad Ma'arof bagi-lah notis, saya ada file berkenaan dengan itu, tetapi sa-kali embas, Port Swettenham semenjak di-jalankan dan di-bagikan oleh pegawai² bumiputera sudah melambong tinggi kemajuan kerana lebeh lekas perjalanan yang telah di-usahakan daripada masa dahulu, dengan chara automation. Berkenaan dengan perkataan yang di-gunakan di-dalam Port ini kata dia benda yang chair itu apa dia; jawab-nya senang sahaja-lah, susu dalam tin itu pun chair juga. Barang² yang dalam tin, dalam bungkusannya yang ta' keras lembek-lah chair itu-lah ma'ana tadi dia di-adakan bahagian²-nya itu sahaja-lah apa benda lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Barang yang dalam bungkus itu macham mana pula? Barang keras dalam bungkus itu apa dia mithal-nya? (Ketawa).

Tan Sri Haji Sardon: Saya tidak tahu barang keras, barang lembut. Kalau sudah keras dia keras, kalau dia lembut, dia lembut (Ketawa). Maka tidak boleh ada keras dalam lembut (Ketawa). Ada lagi satu perkara berkenaan kapal Jawa, memang di-pelawa, tetapi saya tidak tahu ada kapal itu barangkali mengambil pertukaran ashkar² pertahanan sahaja tetapi kita galakkan bukan sahaja kapal dari Jawa, daripada negeri Arab pun, daripada negeri unta pun, daripada mana² pun, boleh.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan berchadang membuka satu pelabohan yang baik di-pantai timor, Malaysia Barat, kerana ini memudahkan perhubungan dengan Malaysia Timor dan kemudahan mengeluarkan hasil² di-Pantai Timor ini?

Tan Sri Haji Sardon: Kalau pelabohan yang sederhana, atau untuk kapal coastal shipping, itu memang sedang di-siasat dan di-usahakan. Tetapi pelabohan dermaga ayer dalam ini yang kita tunggukan lagi pakar² yang telah pun di-setujukan daripada Bangsa² Bersatu hendak menyiasat seluroh pantai timor termasuk juga negeri Johor, negeri saya sendiri. Maka, sa-berapa segera dapat ketentuan, kita akan tengok pula dengan peruntokan, kerana membenakan pelabohan ini memakan waktu dan memakan perbelanjaan yang besar.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin: Dapat-kah Menteri Yang Berhormat membayangkan kepada Dewan ini bilakah masa-nya pakar² itu akan sampai, atau akan memulakan kerja-nya?

Tan Sri Haji Sardon: Saya harap sa-berapa segera, tetapi boleh jadi dalam pertengahan tahun ini. Barangkali dia berhubung juga dengan pakar² yang hendak menyiasat segala nika perhubungan² yang ada di-Malaysia ini, berkenaan dengan penyiasatan, chara²

segala pengangkutan (transport system investigation).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Kalau pakar² itu ditunggu pada tahun 1967, ada-kah termasuk sama pakar² daripada Russia, sebab Russia pun termasuk dalam Bangsa² Bersatu juga (*Ketawa*). Bagitu yang telah di-berikan oleh Kerajaan tadi.

Tan Sri Haji Sardon: Saya kata, tidak masuk. Tetapi ada-kah pihak Parti PAS ini ada perhubungan dengan pakar Russia ini—suroh kamari—itu saya hendak tahu daripada Yang Berhormat. Kalau ada, chakap dengan saya. Maka, saya boleh berhubung barangkali dengan pihak Perdana Menteri. Saya tidak ada perhubungan luar negeri.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah salah kalau pakar² dari Russia datang ka-sini untuk menolong kita?

Tan Sri Haji Sardon: Bukan soal salah atau betul. Soalan kita hendakkan atas apa alasan²-nya, dan dia pun kalau kita minta pun bukan mesti dia bagi; tetapi saya hendak katakan Yang Berhormat dari Bachok ini, ada-kah daripada pihak PAS ini ada perhubungan atau sudah sampai ka-sana minta banyak merayu suroh kita gunakan Russian expert, atau pakar, saya boleh berhubungkan perkara itu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan tambahan. Jadi, oleh kerana sikap Kerajaan Perikatan dengan Russia pun sudah berubah baru² ini sa-bagaimana yang di-katakan oleh Perdana Menteri itu, maka sebab itu-lah kita bertanya hendak mengambil tahu. Kami tidak memementah negeri ini, dan yang kedua PAS tidak ada perhubungan sa-bagai parti politik, tetapi yang Menteri Yang Berhormat mesti tahu bahawa Imam Bukhari yang menulis hadith banyak itu ia-lah orang Russia (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon: Kalau tidak ada Yang Berhormat Wakil Bachok

sendiri pun, saya tidak tahu juga, saya bukan menudoh²—tidak. Saya tanyakan. Maka jangan-lah salah faham.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, bangkit-nya perkara ini ia-lah barangkali Menteri kita Yang Berhormat itu membangkitkan satu perkara dahulu, ia-itu masa dalam UMNO dahulu saya sama² Ahli Yang Berhormat ini, dia terima surat daripada Russia. Jadi, dia tunjok pada saya. Itu perkara sudah lama saya tidak ada dalam PAS lagi masa itu, saya dalam UMNO lagi (*Ketawa*).

CANCELLATION OF SEATS ON M.S.A. FLIGHTS AFTER CONFIRMATION

6. Dr Tan Chee Khoo asks the Minister of Transport if he is aware of the recent spate of letters in the local Press complaining of the cancellation of seats booked on M.S.A. flights and properly confirmed, and if so, whether he will investigate these complaints and see that such malpractices do not occur again.

Tan Sri Haji Sardon: Saya tahu, dan saya sedang menyiasat, dan kalau ada apa perkara lagi yang baru kejadian, tolong-lah berhubung dengan saya sendiri. Saya boleh sampaikan kepada Pengerusi M.S.A. supaya segera diasiasat dan tidak-lah perkara ini akan berulang lagi.

Dr Tan Chee Khoo: I am aware that the Minister of Transport is aware of these complaints. What I seek is an assurance from the Honourable Minister as to what steps will the M.S.A. take to prevent recurrence of these unfortunate happenings, because it can affect our tourist trade.

Tan Sri Haji Sardon: Mr Speaker, Sir, I have given the assurance to the Honourable Member from Batu that I will refer this matter to the Chairman of the M.S.A., and he is now preparing all the ways, all the means, as to how we can stop future happenings, and we are very sorry about this, because we are as much concerned as the Honourable Member for Batu.

JOHORE SUGAR PLANTATION AND INDUSTRIES LTD

7. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) sama ada Kementerian-nya telah meluluskan satu permohonan daripada Pengurus sa-buah sharikat Singapura untuk mendaftar sharikat-nya sa-bagai taraf perintis bagi menanam tebu di satu kawasan sa-luas 20,800 ekar di-Kota Tinggi, Johor dan bagi mendirikan sa-buah kilang gula di-sana;
- (b) berapa modal bergerak sharikat itu; dan
- (c) apa kemajuan yang telah di-chapai.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Speaker, Sir, a company by the name of the Johore Sugar Plantation and Industries Limited was registered with the Registrar of Companies on the 13th of December, 1965. The nominal share capital was given as \$20 million, but the paid-up capital was \$5,000, i.e., 50 shares of \$100 each. My Ministry has not received any application for pioneer status from this company.

Tuan Ahmad bin Arshad: Atas kemurahan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini, kira-nya kemajuan ranchangan ini tidak memberi puas hati atau pun perusahaan gula ini tidak menguntungkan negara, boleh-kah Kementerian ini menarek balek pendaftaran sharikat ini?

Dr Lim Swee Aun: Speaking of the registration as a company under the Companies Ordinance, this can only be done in accordance with the Companies Act.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini dapat tahu dalam surat khabar dalam sa-bulan dua ini di-masukkan ia-itu Company ini mempelawa orang ramai yang berke-

hendakkan tanah akan di-beri lima ekar daripada tanah yang tersebut itu supaya menanam gula dan benih akan di-beri, dan apabila gula itu sudah tumbuh sampai masa di-tebang sharikat itu akan membeli daripada-nya, sa-olah² mereka itu satu kerajaan kechil dalam negeri Johor. Kalau sumpama itu boleh-kah Kementerian ini mengambil tindakan atau menasehatkan Kerajaan Negeri supaya ranchangan sa-macham itu tidak sesuai.

Dr Lim Swee Aun: Under the Companies Ordinance, if the company does acts that are not against the Ordinance or the Act, we cannot do anything against it. However, if the State Government wants advice on whether or not sugar cane should be planted in that State, my Ministry will be very happy to give any advice.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini tahu sama ada rasmi atau tidak rasmi bahawa tanah lebeh 20,000 ekar itu telah menghampakan hati ra'ayat yang tidak ada mempunyai tanah, kerana kawasan itu telah di-masukkan dalam Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan lembaga ini telah membuat sa-batang jalan di-tempat itu. Sa-kiranya tahu kenapa permohonan pendaftaran sharikat itu tidak di-reject—tidak di-tolak?

Dr Lim Swee Aun: Sir, all that I know is what I read in the newspapers. But there is nothing to prevent or to give—there are no powers from the Registrar of Companies to refuse to register a company if it conforms with all the obligations as required under the Companies Act.

LANGKAH² UNTUK MENGATASI MASAALAH PENGELUARAN BERAS DI-ASIA

8. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama:

- (a) apa-kah langkah² yang sedang diambil untuk mengatasi masalah pengeluaran beras terutama-nya di-Asia memandang kepada

sangat chepat-nya penduduk² Asia bertambah;

- (b) memandang kapada langkah yang di-ambil oleh Kerajaan Thai untuk menghadkan eksepot beras lalu menyebabkan harga beras naik, sudah-kah di-ambil tindakan untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Mohamed Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Yang di-Pertua, walau pun kebanyakan negeri² yang menggunakan beras terletak di-Asia Tenggara dan Timor Jauh tetapi penanaman padi tidak-lah terhad bagi kawasan ini. Negeri² seperti Australia, Amerika Sharikat, Italy dan Spain ada mengeluarkan berlebehan beras dan ini di-eksepotkan ka-negeri² yang menggunakan beras. Satu lagi faktor yang mustahak ia-lah sudah ada pertukaran rasa dan penduduk² di-Jepun umpamanya menggantikan beras dengan gandum dan dengan ini hitungan penggunaan beras sa-saorang ada-lah berkurang. Dua faktor ini ada-lah mustahak dan dengan itu tidak ada bahaya kekurangan beras—walau pun banjir, kebuloran dan kekurangan pembelian dan pertukaran wang luar boleh menghalangkan pemasaran beras ka-negeri².

Semua negeri² yang menggunakan beras ada mempunyai ranchangan mereka untuk menambahkan lagi pengeluaran beras. Demikian-lah juga Malaysia Barat sa-bagaimana sa-buah negeri yang ra'ayat-nya sentiasa bertambah dengan chepat. Pengeluaran beras dalam negeri ini ada-lah bertambah dengan lebeh chepat-nya daripada bertambah-nya ra'ayat. Dasar Kerajaan ia-lah untuk menchapai sa-berapa boleh peringkat pengeluaran makanan yang memenuhi keperluan sendiri dan dengan sebab ini pengeluaran beras di-beri keutamaan. Chara² yang digunakan untuk menambahkan pengeluaran beras termasuk

- (i) pembukaan tanah baharu untuk padi. Ini memakan belanja yang banyak dan dengan itu pembukaan kawasan baharu ada-lah sederhana sahaja;
- (ii) penanaman dua kali sa-tahun di-tempat² yang dahulu-nya hanya bertanam sa-kali sa-tahun. Jaba-

tan Parit dan Taliayer sedang menyediakan ranchangan² yang akan membolehkan penanaman dua kali sa-tahun. Ranchangan yang paling besar ia-lah Ranchangan Sungai Muda di-Kedah dan Perlis yang akan membolehkan lebeh daripada 200,000 ekar tanah di-tanam dua kali sa-tahun dalam tahun 1969 atau pun 1970 kelak;

- (iii) pengeluaran lebeh banyak lagi sa-ekar dengan chara menggunakan—

- (a) benih yang lebeh baik;
- (b) lebeh banyak baja dan rachun serangga;
- (c) penanaman yang lebeh baik dengan menggunakan trek-tor dan lain² alat;
- (d) usaha² penyambongan yang lebeh baik untuk menyam-paikan teknik baharu kapada peladang².

Kerajaan, di-dalam Ranchangan Pertama Malaysia, telah mengadakan ranchangan bantuan baja, ranchangan menggunakan jentera, ranchangan pertukaran benih di-mana peladang² di-beri benih lebeh baik dan ranchangan latihan untuk peladang² dan pegawai² penyambongan.

Jawapan kapada (b)—Kerajaan sedar akan kawalan sementara pengeluaran beras negeri Thai. Tetapi, dengan adanya simpanan beras Kerajaan tidak ada kekurangan beras di-Malaysia. Hanya 35% beras yang di-guna di-Malaysia di-bawa masuk dari luar negeri. Untuk melawan kenaikan harga beras, Kerajaan telah mengeluarkan beras tempatan daripada simpanan-nya dengan harga \$27.25 sa-pikul kapada pemborong dan juga penjual runchit untuk di-jual dengan harga tidak lebeh daripada \$29 sa-pikul atau pun \$1.70 sa-gantang.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini memberi tahu Dewan yang mulia ini, oleh sebab ramai bilangan ra'ayat

negeri ini suka memakan beras daripada Siam dan beras Siam melambong naik hingga 55 sen sa-kati, boleh-kah di-adakan perundingan sa-bagai keluarga ASA ia-itu minta Kerajaan Siam menarek balek langkah menghadkan export beras ka-dalam negeri kita ini.

Tuan Mohamed Ghazali bin Haji

Jawi: Berkenaan dengan makanan beras ini, Kementerian saya dan juga Kerajaan negeri ini ada-lah lebeh suka kalau sa-kira-nya ra'ayat negeri ini akan mengubah chorak mereka daripada mementingkan barang² daripada luar negeri kapada barang² yang di-keluarkan di-dalam negeri ini sendiri. Saya perchaya zat² makanan yang ada kapada barang² makanan keluaran negeri kita tidak berkurangan daripada zat² makanan yang datang daripada luar negeri itu. Oleh sebab itu saya berharap supaya keadaan mementingkan makan beras daripada Siam atau Burma atau lain²-nya itu di-tukar kapada mementingkan makan beras keluaran Malaysia yang berbagai² jenis itu (*Tepok*).

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah

(Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Menteri Pertanian bahawasa-nya keluaran beras Malaya ia-lah setakat 65 peratus sahaja dan Malaysia terpaksa membawa masuk—import—beras 35 peratus dari luar lebeh² lagi daripada negeri Siam. Sekarang ini soal-nya Kerajaan Siam telah mengadakan restriction untuk mengeksepot beras masuk ka-Malaysia dan ini telah menyebabkan kenaikan harga beras dalam negeri ini walau pun Kerajaan negeri ada mempunyai simpanan beras, tidak-kah boleh kalau pehak Kerajaan—saya ulangkan lagi soalan yang telah di-kemukakan oleh wakil Muar Utara—tidak-kah boleh Kerajaan, sa-bagai satu anggota ASA, meminta kapada Kerajaan Thai supaya di-hapuskan restriction ini kerana kita terpaksa import 35 peratus beras daripada luar negeri termasuk negeri Thai, itu soalan-nya—tidak-kah boleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Kerajaan Thai meminta supaya di-hapuskan restriction export beras dari-

pada negeri Thai masuk ka-Malaysia kerana kita ada kekurangan 35 peratus beras.

Tuan Mohamed Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun angka yang di-dapati kekurangan beras ia-lah 35 peratus tetapi dengan ada-nya ranchangan² yang di-buat oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama berkenaan dengan penanaman padi dua kali sa-tahun sa-hingga hari ini Malaysia belum lagi kekurangan beras dan beras simpanan di-stockpile pun maseh mencukupi untuk kemahuan² dan kehendak² ra'ayat Malaysia ini.

Tuan Ahmad bin Arshad:

Soalan tambahan. Satu perkara yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat tadi kekurangan makanan beras negeri ini sa-banyak 35 peratus dan kita telah ada dalam negeri ini pakar menyelidek, menyiasat makanan, saya bertanya kapada Yang Berhormat Menteri dapat-kah pakar ini mengubah satu kegemaran makanan ra'ayat negeri ini pada makanan beras kapada satu makanan yang lain saperti yang di-katakan-nya tadi dalam negeri Jepun suka makan tepong dan kita ubah ra'ayat Malaysia ini supaya jangan makan beras.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin

Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Malaysia chuma dapat menanam padi dan barangkali jagong sadikit, tetapi tidak dapat menanam gandum dan Kerajaan memikirkan tidak-lah menasabah dan elok untuk mengubah perasaan ra'ayat atau rasa ra'ayat daripada memakan beras kapada memakan gandum.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud:

Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Sunggoh pun penerangan yang di-beri oleh Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama tadi ia-itu harga beras tidak lebeh daripada 29 sen, tetapi di-bandar Kuala Lumpur ini sendiri, beras yang di-keluarkan daripada Kedah, umpamanya, lebeh kurang macham beras Siam juga, barangkali benih-nya baik, di-jual dengan harga 35 sen dan beras daripada Tanjong Karang di-bandar

Johor Bahru di-jual dengan harga 31½ sen tetapi bau-nya hapak. Saya fikir tempat menyimpan beras itu tidak baik—jadi bau-nya hapak. 3½ sen di-bandar Johor Bahru kalau di-beli di-kampung sampai 32 sen—ini menyusahkan ra'ayat jelata terutama sa-kali orang² yang berpendapatan kechil. Jadi saya berharap-lah supaya Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama mengambil tahu dalam perkara ini supaya harga beras tidak begitu melambung tinggi sa-umpama itu.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dan mengambil tahu dan akan menyiasat perkara ini.

FRINGE ALIENATION IN WEST MALAYSIA

9. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines how many acres have been opened up for fringe alienation since its inception up to the end of 1966 in West Malaysia, and how many families have been settled in these schemes, giving the figures separately both in respect of acreage and families settled.

The Minister of Lands and Mines (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub): Mr Speaker, Sir, since its inception the total acreage opened up under fringe alienation schemes is 128,764½ acres, and the number of families involved is 24,706. I would like to inform the Honourable Member here that the participants in these schemes are not settled in these schemes; they reside in their normal place of residence.

Dr Tan Chee Khoon: Is the Honourable Minister aware that in the Report of the Auditor-General for the various States, he has indicated in no uncertain terms that quite a number of these schemes have been total failure? Can the Honourable Minister enlighten this House that out of these 128,764½ acres, how many acres have been total failures?

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Speaker, Sir, I think if the Honourable Member looks at the Written Answers to Questions, from pages 179 to 190, dealing with fringe alienation

schemes he will find the answers there, which are very instructive. However, for his enlightenment, the schemes which can be said to have been abandoned are:

Two in Negeri Sembilan; twenty in Pahang; one in Perak and none in any other States.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Dalam begitu banyak Rancangan Tanah Pinggir—Fringe Alienation Schemes—berapa banyak-kah Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan bagi bantuan yang di-berikan kepada peserta² atau pun ranchangan² tanah itu. Sebab sa-panjang yang saya tahu, Rancangan Tanah Pinggir ini di-jalankan di-atas persetujuan bersama di-antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, begitu juga pembahagian² bantuan-nya itu ada mempunyai tanggung-jawab bersama di-atas ranchangan² itu.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman wang kepada semua Kerajaan Negeri yang ada menjalankan Rancangan Tanah Pinggir ini berjumlah sa-banyak \$23,484,790, ada lagi grant, sa-lain daripada itu, dan untok pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu bagi tiap² satu ekar biasa-nya kita beri pinjaman (Loan) sa-banyak \$320.00 grant bagi tiap² satu ekar \$263.00.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak salah ingatan saya, dengan ada-nya Rancangan Tanah Pinggir ini maka pehak Kerajaan Persekutuan akan mengutamakan pembeanaan jalan raya. Ada-kah semua jalan raya itu telah di-buat kepada Ranchangan² Tanah Pinggir ini?

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tidak! Tiap² Rancangan Tanah Pinggir ia-lah dengan sa-berapa boleh-nya tanah itu kita dapati berdekatan dengan jalan raya supaya senang peserta² itu pergi kepada ranchangan ini. Jadi itu-lah daripada sebab-nya di-beberapa ranchangan di-negeri Pahang mithalnya dan juga di-negeri Perak telah tidak begitu berjaya di-dalam ranchangan ini.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1967

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Third Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker *in the Chair*).

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$22,264,470 for Head S. 12 stand part of the Schedule.

Head S. 12—

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, sambongan di-Bahagian Parit dan Tali-ayer—

PERBELANJAAN KHAS

Di-bawah bahagian ini ada tambahan keselurohan-nya sa-banyak \$4,230 sunggoh pun tambahan \$6,280 di-kehendaki di-bawah perkakas dan kelengkapan pejabat. Perbelanjaan untuk mengganti dua mesen kira² letrik yang sudah lama dan selalu memakan wang membetul-nya dan kerana membeli gerobok² untuk menyimpan peta² dan rekod² haiderol serta membeli tempat² buku bagi pustaka dan perkakas² untuk bilek pelukis.

BAHAGIAN HAIWAN

Wang sa-banyak \$2,394,872 ada-lah di-minta untuk Bahagian Haiwan dalam tahun 1967. Ini ada-lah berlebehan sa-banyak \$291,462 daripada yang di-untokkan pada tahun 1966. Tambahan ini kebanyakan di-dalam Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun.

Bahagian ini telah memperolehi banyak kemajuan di-dalam mengelok dan menambahkan pengeluaran ayam-itek dan ternakan dan menchegeh penyakit anjing gila dan penyakit² yang menyerang ternakan dan ayam itek.

GAJI

Wang sa-banyak \$1,011,272 ada-lah di-minta bagi tahun 1967 ia-itu lebeh sa-banyak \$69,140 daripada yang di-untokkan bagi tahun 1966. Di-Ibu

Pejabat—Dua orang Pegawai Haiwan ada-lah di-minta untuk menolong mengator dan meranchang kemajuan perusahaan ternakan, sementara tiga orang Pegawai Penyelidek ada-lah di-minta supaya tiap² sa-orang di-tugas menjaga bahagian ayam-itek, daging lembu dan babi.

Dalam Chawangan Menternak Ternakan, langkah² sedang di-ambil bagi menjalankan penyelidekan atas kemungkinan memajukan perusahaan susu dan daging lembu di-negeri ini. Oleh itu sa-orang Pegawai Penyelidek dan dua orang Pembantu Urusan Haiwan ada lah di-kehendaki.

Oleh sebab kerja menchegeh penyakit haiwan ada-lah mustahak terhadap pengeluaran ternakan, penambahan pekerja² di-Pusat Penyelidekan Haiwan hendak-lah di-segerakan. Pusat ini, di-antarlain-nya, ada mengeluarkan ubat² suntek bagi menchegeh penyakit ternakan. Sa-orang Pegawai Haiwan Kanan (Penyelidek) Tingkatan Tertinggi "H" ada-lah di-kehendaki supaya ia boleh menolong Ketua Pegawai Penyelidek dalam meranchangkan penyelidekan kerana mengeluarkan ubat suntek dan chara² bagaimana memberi ubat² itu.

Memandang kapada bertambah-nya jawatan² yang telah di-sebutkan tadi maka sudah tentu berkehendakkan pekerja² di-tingkatan bawah untuk membantu beberapa achara dalam Bahagian Haiwan ini.

Sa-lain daripada tambahan yang di-sebutkan chadangan telah di-kemukakan dan telah di-persetujukan pada dasar-nya untuk menubuhkan satu Chawangan Penyelidekan Pengeluaran Ternakan dan juga Chawangan Perusahaan Ternakan. Pekerja² bagi Chawangan yang baharu ini akan di-ambil manakala segala kemudahan berkenaan dengan mengadakan penyelidekan pengeluaran ternakan dan tempat menyembeleh ternakan sudah di-adakan.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Di-bawah bahagian ini, satu per-untokan sa-banyak \$1,335,250 ada-lah di-kehendaki bagi tahun 1967, dan

jumlah ini ada-lah \$201,794 lebih daripada yang di-untukkan bagi tahun 1966. Tambahan yang besar ia-lah berkenaan dengan menternak ternakan (kemajuan ternakan) di-Pechahan-kepala 64. Bayaran Pawah Kerbau dan Lembu, Pechahan-kepala 65¹ dan Belanja bagi Pelateh², Pechahan-kepala 69.

Tambahan peruntukan yang di-kehendaki kerana Kemajuan Ternakan ia-lah mengikut dasar jangka panjang bahagian ini untuk mempertingkatkan mutu ternakan tempatan supaya dapat menemui kehendak² penduduk dan mengeluarkan daging yang mencukupi bagi kemahuan negeri kita ini.

Tambahan peruntukan bayaran Pawah Kerbau dan lembu tadi, ia-lah kerana membayar saguhati kepada mereka yang membalekkan anak² lembu dan kerbau jantan kepada Kerajaan Persekutuan apabila binatang² itu berumur dua tahun.

Tambahan peruntukan kerana belanja bagi Pelateh² ia-lah kerana membayar elau dan belanja perjalanan pelateh² di-serata Pusat Latehan di-seluruh negeri ini. Dalam tahun 1967 ini, pengambilan murid² akan di-tambah lagi dan pengajaran praktik di-perluaskan lagi.

PERBELANJAAN KHAS

Di-bawah bahagian ini, satu peruntukan sa-banyak \$48,350 ada-lah di-kehendaki ia-itu \$20,828 lebih daripada yang di-untukkan bagi tahun 1966. Tambahan yang besar ini ia-lah kerana membeli perkakas² dan alat² ma'amal yang di-kehendaki segera kerana mengeluarkan ubat² dan kerana perkhidmatan ma'amal di-sebabkan perlaksanaan ranchangan kemajuan luar bandar pada tahun yang lepas termasuk permintaan ubat daripada Sabah, Sarawak dan Hong Kong.

BAHAGIAN KEMAJUAN KERJASAMA

Sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian saya ada-lah sentiasa menchuba menggalakkan sharikat kerjasama sa-bagai satu alat memperbaiki keadaan iktisad orang² di-luar bandar dan juga mengasoh mereka pada menerima tujuan bekerjasama dalam pergerakan iktisad petani².

Bahagian Kerjasama di-luar bandar telah di-kukuhkan dan di-puleh sa-mula dengan tujuan mengajar balek ahli²-nya serta di-masokkan semangat baharu. Susunan pergerakan ini sedang di-perbetulkan. Kekuatan pergerakan ini pada masa akan datang ia-lah dengan memberi pandangan yang baharu di-tuboh atas kekuatan ahli²-nya, modal dan pengurusan berasas kepada ahli² yang berminat dan menjalankan sharikat serba jenis. Sharikat yang sa-umpama ini akan maju dan memberi faedah yang lebih kepada ra'ayat.

Gaji

Kerja menyusun sa-mula dan mengukuhkan pergerakan ini tidak berkehendakkan tambahan kaki-tangan dengan serta-merta. Masaalah yang di-hadapi sekarang ia-lah kesusahan pada mencharikan pegawai² kerjasama dan kerani² odit.

Chawangan odit dalam bahagian ini ada-lah menghadapi masaalah besar pada hendak menghabiskan kerja² mengodit yang banyak ketinggalan. Memandangkan kepada hasrat Kerajaan hendak mengurangkan perbelanjaan, maka bahagian ini hanya meminta sa-orang Pemereksa Kira² (Butiran 326) dan empat orang Penolong Pemereksa Kira² (Butiran 332).

Pergerakan kerjasama yang baharu berjalan di-Sabah dan di-Sarawak telah merebak dengan chepat-nya lebih daripada yang dapat di-kendali oleh Pejabat Kerjasama di-sana. Sungguh pun banyak pegawai², ada-lah di-fikirkan mustahak, tetapi bahagian ini hanya meminta dua orang lagi Pegawai Kerjasama bagi Sarawak (Butiran 368) dan tiga orang bagi Sabah (Butiran 386) dengan menghapuskan dua jawatan Pembantu Kerjasama di-Sabah (Butiran 387).

LAIN PERBELANJAAN, BERULANG TIAP² TAHUN

Anggaran perbelanjaan di-bawah bahagian Kechil ini kerana negeri² di-Malaysia ini ada menunjokkan tam-bahan sa-banyak \$47,445. Sungguh pun begitu, di-Sarawak ada kurang daripada tahun 1966. Belanja kerana menyewa pejabat, latehan dan biasiswa telah

di-kurangkan sa-banyak \$9,100. Di-Sabah ada tambahan yang besar berjumlah sa-banyak \$34,285 kerana kenaikan sewa pejabat di-Sandakan dan sewa Ibu Pejabat yang dahulu-nya di-tempatkan di-Bangunan Kerajaan.

PERBELANJAAN KHAS

Di-bawah bahagian ini ada tambahan keseluruhan-nya sa-banyak \$26,827. Peruntukan kerana Maktab Bekerjasama Malaya telah bertambah sa-banyak \$13,071 (Butiran 156) kerana membayar kenaikan gaji yang biasa kepada kaki-tangan²-nya. Peruntukan juga di-minta kerana membeli sa-buah Land Rover untuk Pahang dan sa-buah lagi untuk Sabah. Peruntukan sa-banyak \$7,000 juga di-minta kerana bayaran audit di-bawah ranchangan menolong membayar kepada Juru Audit Luar atas sharikat² yang tiada berapa maju. Ranchangan ini telah di-mulakan semenjak tahun 1962 dan peruntukan yang di-tunjokkan bagi tahun 1967 ialah kerana membayar baki pembayaran semenjak tahun 1964 dan 1965.

BAHAGIAN PERIKANAN (MALAYSIA BARAT)

Gaji

Di-bawah bahagian ini wang sa-banyak \$1,205,338 ia-itu berlebihan sa-banyak \$126,448 daripada peruntukan tahun 1966 ada-lah di-minta. Lapan jawatan baharu Bahagian I, termasuk satu, jawatan Tingkatan Tertinggi "H" telah di-minta, satu-nya ia-lah mengganti jawatan Pegawai Pentadbir Perikanan (Butiran 441) yang telah di-hapuskan.

Memandang kepada ranchangan kemajuan bahagian perikanan yang bertambah² dan perkembangan-nya ka-Sarawak, maka sa-orang Pegawai Perikanan Kanan, Tingkatan Tertinggi "H" di-kehendaki (Butiran 402). Pegawai ini akan bertanggung-jawab atas merancang dan melaksanakan ranchangan kemajuan keseluruhan-nya.

Tujuh orang lagi Pegawai Perikanan ada-lah di-minta bagi tahun 1967. Sa-orang akan di-tempatkan di-Ibu Pejabat, mengetuai satu chawangan baharu yang akan mengendalikan masalah socio-ekonomi yang di-hadapi oleh

nelayan² dan chara² mengatasi-nya. Ia juga akan menengok bahawa hasrat Kerajaan pada hendak menolong nelayan² melalui persatuan² nelayan dan bantuan² akan berhasil.

Empat orang Pegawai Perikanan akan di-tempatkan di-Bahagian Penyelidik. Tiga orang daripada-nya akan menjalankan kerja menyiasat dengan bersungguh² dalam semua segi hayat hidup di-laut, ia-itu *Marine Biology* supaya kemajuan menangkap ikan di-laut akan dapat di-majukan. Pegawai yang keempat akan di-tempatkan di-bahagian jentera di-mana ia boleh memberi nasihat kepada nelayan² pada mengubahkan chara² menangkap ikan dengan berjentera.

Dalam Chawangan Persekutuan, sa-orang Pegawai Perikanan ada-lah di-kehendaki untuk mengambil tempat sa-orang pegawai di-Pahang yang akan bersara dan di-mana jawatan itu hanya khas kepada pegawai itu.

Bahagian Perikanan ada mengurus dua buah Sekolah Perikanan Laut, satu di-Pulau Pinang dan satu lagi di-Kuala Trengganu. Bagi menambahkan nilai pelajaran yang di-beri pada masa ini ranchangan sedang di-adakan untuk meluaskan lagi pelajaran itu, khas-nya di-dalam segi teknologi. Supaya dapat guru besar sekolah itu melaksanakan ranchangan tersebut dengan jaya-nya, maka sa-orang Pegawai Perikanan yang mahir dalam teknik alatan ada-lah di-kehendaki.

Oleh sebab akan bertambah-nya pekerjaan yang akan di-buat oleh pegawai² baharu di-dalam Bahagian I dan pula bertambah-nya kerja² bahagian perikanan ini, maka 43 orang kakitangan di-dalam Bahagian III dan IV ada-lah di-kehendaki.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TATUN

Wang sa-banyak \$607,310 ada-lah di-minta ia-itu \$110,420 lebih daripada yang di-beri pada tahun 1966. Pertambahan ini ia-lah kerana kerja mengawal yang baharu timbul di-sebabkan masa-alah pukut tunda.

PERBELANJAAN KHAS

Peruntukan sa-banyak \$23,200 yang di-minta di-bawah Kepala-kecil ini ada kekurangan sa-banyak \$6,930 daripada yang di-beri pada tahun 1966.

PERIKANAN SARAWAK

Gaji

Pertambahan sa-banyak \$22,172 lebeh daripada peruntukan tahun 1966 yang sa-banyak \$82,619 ada-lah di-minta di-bawah Kepala-kecil ini. Lima jawatan baharu dalam Bahagian III dan IV ada-lah di-kehendaki dan dengan ini Pejabat di-Sarawak akan berjalan dengan sa-penoh-nya pada tahun ini. Pada masa² yang lalu perusahaan perikanan di-Sarawak telah terbiar. Oleh itu perusahaan perikanan dalam negeri ini hendak-lah di-majukan dengan segera supaya dapat di-samakan dengan negeri² di-Malaya, kerana ada kemungkinan mengeluarkan banyak ikan di-lautan sa-keliling Sarawak.

Sa-buah kapal 48 kaki panjang-nya akan di-bena pada tahun 1967 untuk menunjokkan chara menangkap ikan dengan perkakas² yang di-gunakan di-Malaysia Barat. Untuk menjalankan kapal ini empat orang kaki-tangan-nya telah di-minta.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Wang sa-banyak \$76,582 ada-lah di-minta ia-itu berlebeh sa-banyak \$29,472 daripada yang di-beri pada tahun sudah. Ini ia-lah kerana perbelanjaan penyenggaraan dua buah kapal jabatan yang akan di-adakan pada tahun 1967.

PERBELANJAAN KHAS

Wang sa-banyak \$2,880 ada-lah di-minta untuk membeli perkakas dan kelengkapan pejabat dan kipas² untuk tiga buah pejabat baharu di-Mukah, Bintulu dan Limbang.

Mr Chairman: Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11.23 a.m.

Sitting resumed at 11.40 a.m.

Mr (Deputy) Speaker in the Chair

Debate resumed.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): The Minister of Agriculture in his introduction stated that the allocation for this year is \$2.78 million more than that of 1966, and I see that the allocation for this year is \$22.6 million. Now, Mr Chairman, Sir, agriculture, for many years to come, will have to be the mainstay of our economy whatever progress we may make in industrialisation. As such, it is incomprehensible to me, why the Minister has accepted this small allocation of \$22.26 million. Of course, I do know that in the Development Estimates there is an expenditure totalling about \$100 million for Agriculture, Fisheries, Forestry and for Co-operatives, but that is a very different matter because development is a very chancy thing. If we cannot borrow from abroad, if we cannot borrow domestically, then we cannot get that money to spend on development whereas, I think it is reasonably sure that we can get the money of \$1,829 million for ordinary expenditure.

The other item, Mr Chairman, Sir, is that Agriculture, Fisheries and Forestry—and here I do know that Forestry is not in the portfolio of the Honourable the Minister—amounts to only 1.3% of the ordinary expenditure. This to me is incomprehensible, seeing that Agriculture, Fisheries and Forestry, according to the Minister of Finance, provide jobs for 60% of the working population. As such, Mr Speaker, Sir, we should make more allocations to Agriculture, so that we can develop more fruitfully the vast vacant lands that still abound in Malaysia, so that not only can we provide more jobs for the people entering the labour market every year, but also find more exports to redress our balance of payments. I commend this to the Minister of Agriculture so that we can develop more intensely our agricultural needs.

Now, Mr Chairman, Sir, I come to page 82, item (41)—the item of

\$4,800. I make no apology for coming to this question of pay for our workers. It is generally accepted that the I.M.G. group of workers in this country are the poorest paid of Government servants and are the most exploited of the Government servants.

Now, Mr Chairman, Sir, the Minister of Finance has gone out of his way to antagonise organised labour in this country. Instead of telling the workers of this country, "Come unto me all ye who labour and are heavy laden, and I will give you rest," instead of telling them, "Ask and it shall be given you; seek and you will find; knock and it will be open to you, for every man who asks receives and he who seeks finds, and to him who knocks it will be open"—instead of all these, Mr Chairman, Sir, the Minister of Finance has gone out of his way and is like a man who if his son asks for bread will give him a stone or if he asks for a fish will give him a serpent. Now, these biblical quotations that I have made, Sir, must warn the workers of this country and, in particular, the Government servants what they can expect from the Minister of Finance—one who, if his son asks for bread will give him a stone; if he asks for fish will give him a serpent.

Now, Mr Chairman, Sir, the Minister of Finance can easily preach such a sermon to the workers of this country: "Workers of this country, you have been guilty of giving less service and getting more pay for it. Your sins of omission and of commission have caught up with you. Repent of your sins. The day of reckoning, the day of judgement, is at hand." Now, Mr Chairman, Sir, if the Press publishes what I say, the workers of this country cannot complain that I have not warned them of the sinister intentions of the Minister of Finance. I do hope, Sir, when the Suffian Salaries Commission makes known its findings, as has been stated by the Member for Bangsar, it will not be pressurised by what various Ministers said about salaries cut and that, at least, they will give this category of workers, namely, the I.M.G., an upward revision of their salaries.

Now, Mr Chairman, Sir, I come to page 81, items (5), (6), (7), (8). There one sees that there are three Principal Assistant Secretaries and five Assistant Secretaries. Sir, I do know that the Ministry of Agriculture and Co-operatives houses within that Ministry a large number of Departments, but nevertheless I submit that three Principal Assistant Secretaries and five Assistant Secretaries are far too many, and that that Ministry is top-heavy. Here, it is a question of the proper use of manpower. Perhaps, if the Minister will look hard at the figures that I have quoted and, instead of them sitting in airconditioned rooms in Kuala Lumpur, if he reallocates them to other places within his Ministry, perhaps, we can have a better use of manpower. Now, Mr Chairman, Sir, in connection with the proper use of manpower, I have here a letter which signed "Kami Ra'ayat", which I have just received about two days ago. It concerns the Agriculture Department and, for the information of the Minister, I want to point out to him the improper use of Government servants in his own Ministry. Sir, I quote:

"Federal Officers yang bekerja didalam State berlagak seperti orang Puteh. Bukti-nya sila melawat karumah² Pegawai Tanaman Negeri Trengganu dan Pegawai Hutan negeri. Mereka menyimpan tukang kebun khas yang di-bayar gaji dari wang Kerajaan tidak kurang \$100 sa-bulan. Tukang kebun ini ia-lah di-churi dari buroh² yang bekerja di-tempat pejabat mereka. Mereka, pegawai² ini pandai memasokkan estimate gaji tukang kebun ini ka-dalam estimate pejabat-nya. Ini berma'ana buroh ini sudah berlebeh dan jika nama-nya maseh ada tentu-lah membuang wang Kerajaan. Kesalahan pekerja² ini sudah terang:

- (a) Makan duit Kerajaan melalui gaji tukang kebun-nya untuk faedah diri sendiri.
- (b) Lari dari income tax kerana gaji kebun ini di-kira telah di-beri oleh majikan-nya. Ini berma'ana ia lari dari income tax kira² \$1,200 pula sa-tahun.

Sekian-lah satu contoh wang Kerajaan telah habis dengan tidak tentu”.

Now, Mr Chairman, Sir, although this is an anonymous letter, this is a blatant misuse of Government officers in the Agriculture Department, and if the Minister wants it I can hand over to him this letter; no doubt, if one goes through the list of Government employees, one can see this misuse of Government servants not only in the Agriculture Department but elsewhere as well; and this is a thing that, perhaps, the Treasury should look into a little more closely rather than warning the workers of this country of pay cuts and of massive retrenchment.

Now, Mr Chairman, Sir, I come to the Resettlement of Special Constables on page 83. The expenditure there is \$188,490 for P.E. On page 111, there is another expenditure of \$142,960—page 111—this is for Special Expenditure. Now, if one adds up the two, one can see that the total is not very far from half a million. Now, Mr Chairman, Sir, in connection with this, I wish to quote (1) from the Auditor-General's Report of 1964, and (2) the answer given to one of the questions that I have asked. The Auditor-General in his Report, page 40, paragraph 152, has this to say about this wanton waste of public funds, and I quote the relevant part:

“Recoveries during 1964 totalled \$142,478.10 and write-off and remissions \$63,954.77, leaving \$1,031,047.34 outstanding at the end of 1964, of which \$980,311.06 was long overdue for refund. The cost of administering the collection of these loans was \$349,677 in 1964, and it has been suggested that urgent consideration be given to the question of abandoning these claims and dispersing the present administrative organisation.”

Mr Speaker, Sir, I have asked a question on this, and it is found on page 3 of the Written Answers—I have asked if the Minister is aware of this expenditure and what action has he taken to rectify this scandalous state of affairs. Now, the answer from the Minister—and I do not know whether he has read this answer—is very elucidating; I quote:

“I am aware of the state of affairs. Recovery of the loans from these Ex-Special Constables has been a slow process due to

many setback on the part of the loanees who are mostly rubber tappers and fishermen. Nevertheless a substantial amount had been recovered since the beginning of the scheme. Of the total loan of \$7 million-plus given out, \$6.21 million had been repaid including remissions or write-off due to deaths or other misfortunes. In order to reduce the cost of administration, action has been taken from time to time to reduce the establishment. Since 1961, one division I post, 2 division II posts and 13 division III posts have been abolished and further reduction will be made this year.”

Now, Mr Chairman, Sir, it does seem to me a scandalous waste of public funds if, in order to recover that this year, we spend, including Special Expenditure close on to half a million dollars—and I do not say that this expenditure is all for the recovery of the million dollars. Perhaps, the Minister would consider this: that instead of spending \$188,000 on administration of this Fund, why should not he disperse the administration, and if there is any work to be done transfer it to the other branches within his own portfolio, or, if not, get the D.Os. all over the country to administer this Fund, then the poor taxpayer need not be saddled with the administration cost of close on to \$200,000. This, Mr Chairman, Sir, is the Alice in Wonderland way in which the Alliance Government works—from this reply here, they have recovered about \$300,000 and they spent in administration nearly \$200,000. What sort of recovery of loans is that?

Mr Chairman, Sir, I wish now to touch on Coconut Rehabilitation, page 89. On page 89, under P.E. there is \$313,583 and on page 107, the O.C.A.R. is stated to be \$163,500. Now, long before the 1964 elections, the Alliance Party went round the country, telling coconut smallholders that they would be taken care of, they would receive grant to help them to replant their coconuts.

Now, let us see the performance of the Alliance Government and the Alliance Party in this respect—and I say they have been fooling the rural people all along. In 1964 hardly anything was spent; in 1965—from the Development Estimates that I am

quoting now—they spent \$1.82 million; in 1966—\$2.7 million, and in 1967 they are going to spend \$2.86 million; and the Minister in his introductory remarks, if I am not mistaken, told us that in 1966 thirty-six thousand acres were replanted.

Now, Mr Chairman, Sir, I have looked up the statistics of the acreage of coconut estates in this country and the latest that I can get is for 1964. In 1964, there were 72,000 acres under coconuts in big estates. Of the small-holders, they totalled 432,000 acres. Now, if at the rate that we are replanting—36,000 acres per year—I suggest that, perhaps, in another 12 years' time the Alliance Government cannot replant all the coconut small-holdings in this country. This is a very scandalous state of affairs, because in addition to providing us with oil, coconut has a lot of other uses. We should step up our production of coconuts. Time was when we exported coconut oil, Sir, and now we have to import—and we are agricultural country, and we are losing our hard-earned earnings from rubber and tin.

Mr Chairman, Sir, I now come to page 89—Drainage and Irrigation Department. I need hardly say that the Drainage and Irrigation Department will play prominently in the prevention of floods in this country. I regret to say that the Minister in his introductory remarks hardly touched on this problem at all, and this is a problem that is very close to the hearts of these people sitting on my right, Mr Chairman, Sir—they come from Kelantan. Their damage is estimated to be about \$40 million. And what has the Central Government done? According to the report that is given here, it has given by way of baksheesh to the people on the East Coast, \$1 million plus to Trengganu, and \$3 million plus to Kelantan. That is chicken-feed compared to the damage they have suffered.

I would say, Sir, that the surplus officers within the portfolio of the Honourable Minister should all be diverted to this vital problem of the prevention of floods, and what the Honourable Minister should do now is

to fight with his colleagues in the Cabinet to get more money for the prevention of floods, because all of the work that the D.I.D. may do—not only in Kelantan, Trengganu, Kedah, Perak and Johore—will be undone, if we have floods of the magnitude that have occurred in this country. As such, I am astounded that instead of increasing the number of posts of technical officers in his Ministry, I see that in 1966 the D.I.D. officers totalled 174 but in 1967 they total 170. Looking through the figures very carefully, Mr Chairman, Sir, I found that this reduction was in the pupil engineers, supernumerary. They have been reduced from 9 to 5. Surely, if you want to reduce, or even think of reducing, floods, whether on the East Coast, or on the West Coast, then you must increase the number of your pupil engineers and not reduce them.

Mr Chairman, Sir, I call upon the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives to take immediate steps to increase the personnel, and despite the job freeze announced by the Honourable Deputy Prime Minister he should increase the technical officers in the D.I.D. In this connection, he should take immediate steps and not wait for some others above him to say, "Oh, we are waiting for United Nations experts to come". Now, before the experts come another flood may occur on the East Coast and, perhaps, another series of losses amounting to \$40 million may yet occur in Kelantan alone.

Mr Chairman, Sir, I come to the expenditure on the Co-operative Department found on page 96. I notice that the Honourable Minister in his introductory remarks has painted a rather rosy picture of the work of the Co-operative Department. I regret that he should want to generate such a sense of euphoria, perhaps, amongst the officers sitting behind him. He should know by now that even the direction in which the co-operative movement is going has been wrong, as has been pointed out by the Co-operative Seminar held recently in the University of Malaya. As for the malpractices galore

in the Co-operative Department, if one looks at the Auditor-General's Report for 1964, pages 40 and 41, one can see a whole heap of malpractices dug out by the Auditor-General. Far from painting such a rosy picture, I should be very concerned, if I were the Minister over such malpractices occurring in the co-operative movement.

To take one instance, Mr Chairman, Sir, I have in an adjournment speech highlighted what I thought were malpractices in the Co-operative Movement. I told the Minister—and this the Minister, in his reply, I do not know whether deliberately or inadvertently, chose not to answer—that at the annual general meetings of the Police Co-operative Society in 1965 and 1966 a senior officer of the Co-operative Department was present at both the annual general meetings. I have read through the minutes of both the annual general meetings and nowhere did I see the senior co-operative officer opening his mouth, and yet there were malpractices down there as has been admitted by the Honourable Minister. The point I wish to make is that: it was not until I raised the matter in Parliament that the Minister now says that he would investigate the contravention of Section 15 and Section 33 of the Co-operative Societies Ordinance by the said Police Co-operative Society. Why should the Minister wait for a Member of the Opposition to raise these matters in Parliament before he takes action? What are his officers for? And an officer was present at the meetings. He should have stood up loud and bold and told the members present, "Look here, what you are doing is wrong. You have sold these shares and you have bought these shares in contravention of Section 33 of the Co-operative Societies Ordinance, and you have bought these lands in Klang and at Ipoh Road in contravention of Section 15 of the Co-operative Ordinance." Nowhere in the minutes of both these two annual general meetings did I see this officer opening his mouth. May I, in all humility, suggest to the officers of the Co-operative Department, through the Honourable Minister, that when they

next attend the annual general meetings of the Police Co-operative, please do not be frightened by the top brass of the *mata*² down there. The top brass ranking from the Inspector-General of Police downwards cannot eat up any co-operative officer. Cannibalism is not prevalent in this country. So they need not be worried (*Laughter*). The *mata*² in this country from the Inspector-General of Police downwards are not a law unto themselves. They also have to obey the laws, and they also have to listen very carefully if the co-operative officer opens his mouth.

I now come to the Research Branch expenditure found on page 86. I notice that a good deal of officers are being required for this and my only grouse is that not more is being provided for for this important work within the Ministry of Agriculture and Co-operatives. I would say that the Ministry of Agriculture and Co-operatives should do more not only for the diversification of fruit trees in Malaya but also for the replanting of a good deal of the old fruit orchards in this country. Here, Sir, I am amazed to find that on page 105, under Other Charges Annually Recurrent, \$435 is being provided for Fruit and Vegetable Canning and Freezing Research Station. I will repeat it for the benefit of the Honourable Minister: On page 105, \$435 is being provided for Fruit and Vegetable Canning and Freezing Station. A fat lot of good can \$435 do for the Fruit and Vegetable Canning and Freezing Station!

Mr Chairman, Sir, we in this country know that during the season when the fruits come out in abundance—rambutans, chikus, durians, and the like—there is always a glut in the market and very often a good deal of these, if they are not sold, are always thrown away. Consequently, the work of this research station for fruit and vegetable canning and freezing is very important to preserve the good things of life that the good earth has provided us with, so that we can can these to sell later on when there is a demand domestically, but what is more important, perhaps is that we can export

them—rambutans or even durians which, despite its odour that is offensive to some people, can be a novelty to foreigners. The Minister of Agriculture and Co-operatives should pursue this with greater vigour, so that we can provide not only for the domestic market but, more important, we can export in greater volume these things that I have spoken of—fruits and vegetables—and thereby not only provide work for the youths of this country but also to provide the hard-earned foreign earnings.

Now, Mr Chairman, Sir, I come to page 111 and there is a sum of \$297,000 for experts. Now, yesterday the Honourable Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, in his reply, stated that these experts are necessary. Mr Chairman, Sir, no doubt these experts are necessary, but are they really experts? The Member for Bukit Bintang has pointed out how the so-called experts from Australia have come here and have been sent out by the Port Commission of Penang to be trained in their work in Europe and then come back here, and yet we are paying for all these so-called experts. Now, Mr Chairman, Sir, I am not saying that we should look at a gift horse in the mouth. What I am saying is that every expert, who comes to this country, we really must scrutinise very carefully, not only his qualifications, but also his experience and see whether he can do the type of work we want him to do: he may be an expert in another field, for example, and Mr Chairman, Sir, in these days of specialisation his field of study becomes narrower and narrower till perhaps the expert is a chap who knows very much about very little. So, this is a thing that I wish to warn the Honourable Minister. I am not against the experts coming here, but they really must be experts. Please let us not have another embarrassing disclosure as that made by the Honourable Member for Bukit Bintang.

Mr Chairman, Sir, finally, as I have started with labour so will I end with labour. Mr Chairman, Sir, on page 113 there is a provision of \$75,000 for the installation of individual latrines for

labour lines. Now, Mr Chairman, Sir, this is of course, a laudable move on the part of the Ministry that they should think the workers in this country should have individual latrines, but I wish to point out to the Honourable Minister that while we applaud this concern for the health of the employees in his Ministry, it would be far better if instead of providing for individual latrines he will rebuild the workers' quarters—and do not call them "labour lines" please; that is a relic of the colonial days; they are workers who are proud of being workers—and why should they not have better quarters so that they can have a richer and fuller life from the Ministry of Agriculture and Co-operatives. Thank you.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya suka mengambil bahagian sedikit dalam perbahathan mengenai S. 12, ia-itu Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini. Tuan Pengerusi, dengan bertambah-nya peruntukan bagi Kementerian ini sa-banyak hampir tiga million ringgit, maka di-harap akan bertambah lichin-lah perjalanan Kementerian ini dan dapat memberi faedah yang besar kepada golongan kaum tani dan juga nelayan² yang menjadi sa-bahagian besar daripada penduduk² negeri kita ini.

Saya suka menyentuh sedikit masalah kemajuan sharikat kerjasama. Memandangkan kepada perkembangan² ekonomi di-negeri kita ini, maka saya minta-lah supaya Kementerian ini mengkaji sa-mula undang² dan per-atoran Sharikat Kerjasama ini untuk menyesuaikan dengan keadaan sekarang ini. Undang² dan peratoran² yang ber-jalan sekarang ini boleh-lah di-kata-kan warisan penjajahan, yang mana tiap² sharikat itu hanya boleh di-tuboh-kan kerana sa-suatu tujuan yang tertentu sahaja. Umpama-nya, sharikat² yang di-tubohkan untuk tujuan pinjam-meminjam, mereka hanya-lah boleh bergerak satakat pinjam-meminjam sahaja. Begitu juga sharikat yang di-tubohkan untuk membeli harta², maka mereka hanya boleh bergerak satakat membeli harta² sahaja. Maka sa-patut-nya-lah peratoran ini di-pinda atau pun

di-tambah untuk membolehkan shariat² yang di-tubuhkan itu menjalankan anika tujuan dan rancangan yang memberi faedah dan keuntongan kepada shariat itu.

Tuan Pengerusi, menyentuh sedikit masaalah perikanan. Berbangkit daripada pertanyaan saya dalam sidang Parlimen yang lalu, maka saya meng-ucapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Kementerian ini yang telah menghantar pegawai²-nya untuk mengadakan perundingan dengan pehak yang berkuasa Thailand dan juga dengan polis Kelantan, untuk menentang pencherobohan pukat² harimau haram di-perayeran Pantai Timor. Yang mana dengan kerjasama daripada pehak polis juga pehak Kementerian ini, alhamdulillah, boleh di-katakan sekarang ini pukat² harimau haram ini tidak lagi bagitu bermaharajalela di-perayeran Pantai Timor.

Tuan Pengerusi, yang mendukachitakan pula ia-lah, mengikut berita akhbar *Utusan Melayu* sa-hari dua ini berlakunya tangkapan besar²an yang mana 68 orang daripada nelayan² kita dari Tumpat, Kelantan, ia-itu daripada kawasan saya, telah di-tangkap oleh polis Siam, yang mana ini ada-lah boleh di-katakan, di-anggap sa-bagai satu tindakan membalas dendam barangkali boleh jadi di-lakukan oleh polis Siam kepada Kerajaan kita, yang mana Kerajaan kita telah bertindak dari segi halal untuk menyekat kemasokan pukat² harimau haram mereka itu dalam perayeran kita, tetapi mereka telah mengambil tindakan dendam ini yang mana saya rasa dalam kawasan saya, saya tahu-lah perkara ini, nelayan² kita ini tidak bersalah. Sebab, perkara ini selalu berlaku, kerana nelayan² kita selalu-nya keluar ka-laut melalui kuala sungai, ia-itu Kuala Takbai yang mana kuala sungai ini menjadi sempadan antara Malaysia dengan Thailand. Jadi selalu-nya memang-lah kuala itu boleh di-lalui oleh nelayan² kita dan nelayan² Thailand. Tetapi, selalu-nya polis Thailand ini, mereka menahan perangkap di-kuala ini-lah. Sedangkan kuala ini sama² berhak—kita pun berhak sebab di-situ tempat sempadan-nya. Tetapi mereka sengaja menahan perangkap

untuk menangkap nelayan² kita yang tidak bersalah ini. Kadang² mereka bawa pergi sa-hari dua hari, bukan kerana lain, untuk mendapatkan wang tebusan sahaja, bagaimana pernah berlaku juga, saya perchaya, di-perayeran Pantai Barat.

Hingga, satu masa, Tuan Pengerusi, pernah nelayan² kita ini telah menchari ikhtiar untuk menjauhkan diri daripada keluar mengikut Kuala Takbai ini sedangkan kuala itu pun maseh di-perayeran kita—mereka telah menebuk sungai itu, membuat satu kuala lain di-Pengkalan Kubar. Tetapi dukachita-nya kuala yang mereka buat dengan tenaga mereka sendiri, hanya dengan bergotong-royong, gali beramai² itu, ta' sampai sa-tahun di-timbus samula oleh ayer laut. Jadi, mereka terpaksa menggunakan Kuala Takbai ini sakali pun mereka terpaksa mengalami ugutan² dan selalu di-kejar oleh polis Siam ini.

Saya minta-lah pehak Kementerian ini menggunakan jasa baik-nya untuk berhubung dengan pehak polis kita di-masa² akan datang, supaya pehak polis kita dapat mengawal Kuala Takbai ini untuk menahan daripada nelayan² kita di-ganggu oleh polis daripada negara sahabat kita yang paling rapat sakali itu.

Saya juga, Tuan Pengerusi, berharap kepada pehak Kementerian ini menggunakan jasa baik-nya dengan sa-bberapa segera yang boleh untuk menghantar pegawai²-nya, atau pun membuat perundingan² bagi pehak Kerajaan sa-sama Kerajaan untuk membebaskan nelayan² kita yang di-tahan itu, yang tidak salah itu dengan sa-bberapa segera.

Tuan Pengerusi, saya ingin memasoki di-dalam muka 105, ia-itu Pechahan-kepala 15, Perbelanjaan Pentadbiran kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Mengikut yang di-bentangkan, jumlah yang di-bentangkan dihadapan kita ini lebeh dari \$1 million di-untokkan kepada pentadbiran FAMA ini yang mana mengikut maklumat² yang saya terima, sa-bahagian besar daripada peruntukan ini ada-lah di-gunakan untuk membayar gaji pakar²

yang ada di-dalam Pentadbiran FAMA ini yang mana mengikut maklumat² yang saya terima jumlah economist sahaja dalam FAMA ini sa-banyak 16 orang yang mana kebanyakan daripada mereka ini boleh di-katakan tidak mendapat kerja, atau pun belum mendapat kerja, atau pun tugas² yang tertentu, kerana kurang-nya arahan yang di-beri kepada mereka dan juga saya mendapat tahu bahawa mereka² ini kebanyakan-nya daripada pakar² economist² muda yang baharu lulus dari Universiti yang tidak begitu mempunyai pengalaman dalam bekerja.

Jadi, saya harap-lah supaya pehak Kementerian ini dan juga pehak FAMA memberi tugas², atau pun memberi arahan² supaya dengan bilangan economist² yang sa-bagitu besar sa-ramai 16 orang, kalau di-bandingkan, saya rasa dengan jabatan² lain, tempat² research yang lain pun, barangkali tidak sampai bagitu besar bilangan economist-nya. Saya rasa kalau-lah dapat di-beri arahan² yang tertentu supaya economist ini akan dapat menjalankan tugas²-nya yang baik, kerana sa-bagaimana yang kita tahu, walau pun sudah tahun yang kedua, kalau tidak silap saya kita masuk penubohan FAMA ini, tetapi kita dapati kerja²-nya terlampau-lah perlahan sangat, hanya-lah kita dapati FAMA berjaya mengadakan pemasaran padi, itu pun di-satengah² tempat sahaja, sedangkan pemasaran hasil pertanian yang lain juga, pemasaran ikan, sa-bagaimana yang di-aku² oleh Menteri yang berkenaan sendiri, satu factor yang mustahak masalah ikan ini di-segerakan, kerana kaum² nelayan kita sangat tertindas, tetapi sa-hingga sekarang ini maseh belum terdengar apa khabar berita-nya tentang kerja² FAMA dalam masalah pemasaran ikan ini.

Tuan Pengerusi, dalam muka 106, Pechahan-kepala 33 ia-itu Kawalan Musoh² dan Penyakit² Tumbuh²an. Tuan Pengerusi, musoh² tanaman boleh di-katakan sangat merebak sekarang ini, terutama sa-kali musoh² pada pokok kelapa yang mana baharu² ini, saya tengok dari berita² akhbar di-Seberang Prai juga berlaku serangan daripada musoh² tanaman ini ya'ani

musoh² daripada pokok kelapa dan kawasan saya sendiri ia-itu satu daerah di-Pengkalan Kubor beratus² ekar kebun kelapa telah di-serang oleh musoh² tanaman ini dan di-Trengganu juga ia-itu, kalau tidak silap saya, di-Kampung Rantau Abang juga beratus² ekar kebun kelapa di-serang oleh musoh² tanaman ini.

Saya chuba menghubungi Pegawai² Pertanian Negeri, Negeri Kelantan dan Trengganu dan mengikut kenyataan Pegawai Pertanian Negeri Kelantan juga dia telah berhubung dengan Pegawai Pertanian Pulau Pinang bertanya kepada-nya bagaimana-kah yang di-katakan insect yang menyerang pokok² kelapa di-Seberang Prai itu dan di-dapati ketiga² kawasan ini telah di-serang oleh musoh² tanaman yang berlainan dan di-kawasan saya di-Pengkalan Kubor, satu daerah—Pengkalan Kubor—beratus² ekar di-serang sa-jenis kumbang yang bertandok, atau pun orang Kelantan panggil kekabong yang mana kumbang² ini datang-nya dari sa-belah Siam, kerana dahulu-nya satu kawasan estate kelapa di-Bernara, Siam, lebeh kurang 2,000 ekar habis semua sa-kali musnah di-serang oleh kekabong² ini.

Kemudian sa-telah habis barangkali kelapa di-sabelah sana itu-lah penyakit kekabong itu telah terbang mari di-sabelah sini. Sa-telah saya menghubungi Pegawai Pertanian Negeri, jawab Pegawai Pertanian Negeri katanya tidak ada ubat untuk melawan atau pun menentang kekabong², atau pun kumbang² bertandok ini. Saya pun tidak tahu-lah ada-kah perkara ini benar, atau pun tidak. Dan saya harap kalau-lah memang sekarang ini tidak ada ubat, pehak Kementerian ini tolong-lah ikhtiarkan ubat-nya dengan sa-berapa segera sa-belum daripada seluroh kelapa di-Kelantan ini di-musnahkan oleh kumbang² hitam ini, kerana saya telah pergi sendiri ka-kawasan yang berlaku itu bersama dengan Pegawai Pertanian di-Jajahan Tumpat sambil menasihatkan orang ramai, Pegawai Pertanian itu hanya sanggup menasihatkan supaya pokok kelapa itu di-tebang dan batang²-nya itu di-champakkan ka-laut atau pun

di-bakar, tetapi bagi orang ramai memang susah mereka hendak menebang kelapa² mereka ini, kerana mereka hanya-lah ada tiap² orang itu mempunyai 20 atau 30 batang kelapa, sebab mula² di-hinggap penyakit ini kelapa itu tidak-lah mati selalu, buahnya maseh lebat, tetapi makin sa-hari sa-makin kechut, makin sa-hari sa-makin kechut dan akhir-nya memakan masa lima enam bulan, baharu-lah pokok itu mati dan tiap² batang pokok yang mati itu sa-telah di-tebang, saya melihat sendiri bagaimana-kah di-dapati di-dalam-nya anak² kumbang hitam ini—kumbang bertandok ini—sampai satu gantang, sampai tiga chupak, empat chupak, kadang² lima chupak bagi tiap² satu batang itu mempunyai anak² yang terlampau biak.

Jadi, kalau-lah musoh² ini tidak di-hanchorkan dengan sa-beberapa segera dengan sa-beberapa ikhtiar yang boleh, saya perchaya-lah tidak berapa lama lagi, barangkali segala kelapa barangkali akan musnah, sebab-nya chontohnya sudah berlaku di-sabelah Siam.

Tuan Pengerusi, dalam muka 106 juga, Pechahan-kepala 37—Pusat Latehan Ladang Berjentera. Tuan Pengerusi, pusat ini ia-lah bertujuan untuk melateh petani² negeri ini untuk menggunakan chara² pertanian dengan sa-chara modern. Memang-lah tujuan pusat ini bagus dan saya rasa ini-lah pertama kali di-adakan di-negara kita Malaysia ini, tetapi sa-bagaimana yang kita tahu dan pernah di-beritahu oleh Menteri² yang berkenaan bahawa di-Malaysia Barat kita sekarang ini boleh di-katakan kelebehan buroh dan penganggoran menjadi². Jadi, saya ingin hendak tahu sudah-kah pehak Kementerian ini memikirkan akibat dengan mengadakan, menggalakkan petani² kita menggunakan alat²an yang modern ini, bukan-lah ini akan menjadi bertambah penganggor² di-negara kita ini dan kalau Kerajaan ini menggalakkan juga chara pertanian yang modern ini, sa-patut-nya-lah Kerajaan dari sekarang ini menchari jalan untuk chuba mengatasi penganggor² akibat daripada menggunakan kelengkapan² jentera yang modern dalam pertanian ini.

Tuan Pengerusi, dalam muka 107, Pechahan-kepala 38 ia-itu Belanja Pelajar dan Pegawai dalam Latehan. Ini bahagian pelajaran pertanian. Saya juga turut menguchapkan terima kaseh kapada pehak Kerajaan yang mana baharu² ini sedang melonggarkan sharat² untuk memasoki ka-College Pertanian Serdang yang mana dahulunya di-dalam College Pertanian, Serdang, ini boleh di-katakan ta' ada berapa kerat, berapa orang sahaja penuntut² Melayu, kerana sharat untuk memasoki ka-College ini terlampau ketat, ia-itu di-mestikan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Science, tetapi dengan kelonggaran yang di-berikan oleh pehak Kerajaan baharu² ini, ia-itu hanya-lah dengan di-kehendaki lulus bahasa Inggeris sahaja, maka ini memberi peluang yang besar kapada anak² Melayu untuk memasoki college ini yang mana anak² Melayu ada-lah mewakili keluarga² kaum tani sa-bilangan besar daripada keluarga² kaum tani di-negeri kita ini.

Dalam muka 108, Pechahan-kepala 61 ia-itu-lah dalam Bahagian Haiwan, ia-itu Mengawal Penyakit². Di-Kelantan umum-nya ia-itu satu negeri yang bersempadan dengan Thailand dan yang selalu-nya di-serang oleh penyakit² lembu-kerbau.

Penyakit² binatang ini selalu-nya menyerang di-Kelantan ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, selalu berlaku, kerap kali berlaku kematian lembu dengan banyak-nya di-Kelantan ini kerana kekurangan pegawai² dan kakitangan² yang menjalankan kerja² menchuchok atau injection binatang² ini. Selalu-nya sa-telah penyakit itu kena, baru-lah dapat pegawai itu pergi ka-tempat itu, sedangkan kebanyakan daripada ubat² itu untuk menjauhkan penyakit.

Itu-lah sebab-nya berlaku kematian yang banyak lembu-kerbau tiap² tahun di-negeri Kelantan. Tambahan pula oleh sebab kekurangan pegawai² dan kakitangan ini, hanya-lah kalau tak silap saya hanya-lah satu group sahaja, satu pasokan sahaja yang menjelajah di-seluruh Kelantan itu sahaja untuk menchuchok lembu-kerbau ini, yang mana mereka terpaksa bekerja sa-panjang tahun, sedangkan petani², dia

tidak mahu menchuchok kerbau-lemunya di-musim dia turun ka-sawah. Jadi musim itu, pegawai hendak chuchok juga, tetapi petani² tidak mahu menchuchok sebab kalau di-benarkan binatang itu di-chuchok musim dia turun ka-sawah, kerja turun ka-sawahnya tergendala kerana selalu-nya salepas di-chuchok itu binatang² itu tidak boleh buat kerja sa-lama tiga atau empat hari, kerana ubat² itu. Jadi, kalau-lah pegawai itu chukup, maka boleh-lah di-buat masa² yang tertentu sahaja untuk di-jalankan suntikan ini, baharu-lah dapat memberi puas hati kepada petani² itu.

Tuan Pengerusi, dalam bahagian muka 108 juga, ia-itu Pechahan-kepala 65 dan 67 ia-itu-lah Ranchangan Bayaran Pawah Kerbau-Lembu dan Ranchangan Bantuan Lembu Jantan. Tuan Pengerusi, ranchangan bayaran pawah kerbau-lembu ini ada-lah satu ranchangan yang baik, maka saya menguchapkan tahniah-lah kepada Kementerian ini yang telah menambahkan peruntokan-nya itu lebeh kurang tiga kali ganda daripada tahun² yang lepas dan yang mana ranchangan ini patut-lah lagi di-besarkan di-masa yang akan datang, kerana saya perchaya ranchangan ini sangat memberi muna-fa'at kepada petani² kita. Tetapi berhubung dengan ranchangan bantuan lembu jantan, ranchangan ini boleh dikatakan tidak begitu berhasil. Saya tidak tahu-lah di-negeri² lain, tetapi di-Kelantan yang mana saya rasa tempat yang banyak menternak lembu-kerbau di-Malaysia Barat ini, memang bantuan lembu jantan ini tidak begitu berhasil kerana beberapa sebab. Di-antara-nya lembu jantan, lembu baka yang di-beri itu di-sharatkan petani-nya membayar sa-paroh daripada harga. Kalau lembu itu harga \$300 Kerajaan memberi bantuan \$150 dan petani di-sharatkan membayar \$150 lagi, sedangkan kadang²-nya selalu lembu ini di-sebabkan perubahan udara atau peralehan tempat, pelihara tak sampai 2-3 bulan selalu-nya sakit dan kurus. Manakala kurus, tuan punya yang mengeluarkan wang \$150 tadi nak sembeleh tak boleh, kerana dalam perjanjian Kerajaan tak boleh sembeleh lembu itu. Dan sebab lembu itu kurus

boleh di-katakan kebanyakan-nya kerana rumput itu tidak sesuai lembu ini selalu-nya berkehendakkan rumput Stelo, sedangkan orang² kampong tidak begitu suka-lah menanam rumput Stelo ini kerana mereka menganggap membazirkan tanah mereka untuk di-tanam rumput. Pertama mereka ingat rumput sudah banyak apa lagi hendak di-tanam lagi rumput. Jadi, itu-lah menyebabkan lembu ini kurus dan manakala kurus hendak sembeleh tak boleh. Kadang² tinggal mati begitu sahaja dan tuan yang mengambil lembu itu dari Kerajaan itu rugi sahaja \$150. Itu kebanyakan berlaku.

Satu pula kebanyakan daripada petani² kita tidak-lah menternak lembu ini sa-chara besar²an yang memadan untuk mengambil satu baka di-bawa balek ka-rumah-nya kerana selalu-nya mereka berternak hanya-lah 3-4 ekor lembu. Itu-lah kebanyakan-nya walau pun lembu di-Kelantan ini ada berat² 2 ribu ekor, tetapi tiap² sa-orang dia selalu berternak 3-4 ekor lembu sahaja.

Jadi, mereka mengeluarkan \$150 untuk mendapat baka kepada 3-4 ekor lembu yang mereka pelihara itu, mereka rasa tak padan. Dan untuk di-bawa ka-lain² tempat bagaimana saya tengok kalau siapa hendak tengok, di-Johor dan di-Melaka, petani² China yang menternak babi jantan, Tuan Pengerusi, dia mendapat satu baka yang baik yang besar, kemudian dia buboh atas kereta tolak pagi² di-bawa ka-rumah itu, ka-rumah itu, ka-rumah itu; mendapat bayaran sa-ringgit² sa-buah rumah. Tetapi bagi kita petani² orang Melayu di-Kelantan itu dia berasa malu barangkali hendak menjalankan pekerjaan yang sa-macam itu. Jadi, itu-lah sebab-nya tak ada sambutan.

Dan satu lagi, Tuan Pengerusi, saya pernah di-beritahu oleh Pegawai Haiwan di-tempat saya sendiri di-Kelantan, pernah memberitahu, sa-tengah² daripada lembu baka yang di-hantar di-Kelantan itu terlampau besar sangat, menyebabkan pernah kejadian sampai patah kaki dan patah pinggang, menyebabkan dia orang tak suka-lah tuan²-nya, tak membenarkan lagi di-bawa lembu baka itu.

Jadi sa-patut-nya di-bawa lembu itu sa-chara berperengkat². Umpama-nya permulaan ini jangan-lah di-bawa baka yang terlampau besar sangat. Ini kejadian pernah berlaku, Tuan Pengerusi.

Beberapa kejadian pernah berlaku menyebabkan akhir² ini boleh di-katakan orang² di-sana tidak begitu gemar lagi dan baru² ini sa-belum saya datang ka-Parlimen ini dalam meshuarat Kemajuan Luar Bandar di-daerah saya, pehak Pegawai Haiwan telah menawarkan lembu² bantuan ini kepada Penghulu². Penghulu balek memberitahu kepada penduduk² kampung yang lebih kurang sa-ratus ribu orang ramai-nya dalam daerah itu. Satu orang pun tidak mahu menerima bantuan baka lembu ini.

Jadi saya harap di-masa² yang akan datang, kalau Kerajaan hendak meneruskan ranchangan ini, patut-lah tidak dengan chara di-berikan satu orang dengan di-bayar sa-paroh harga. Sa-patut-nya Kerajaan menggaji satu orang yang khas membawa lembu itu, lembu Kerajaan, bawa sa-genap kampung itu 2-3 hari di-kampung ini 2-3 hari di-kampung itu, begitu-lah sa-terus-nya. Barangkali kalau yang sa-macham ini ada-lah sedikit kejayaan-nya barangkali. Itu pun syarat-nya lembu itu jangan-lah besar sangat.

Tuan Pengerusi, yang akhir sa-kali ia-lah muka 112, ia-itu Pechahan-kepala 125 masaalah Penyiasat Tanah dan Peta (Soil Survey and Maps). Terutama sa-kali di-negeri² Pantai Timor, Kelantan, Trengganu, Pahang, sangat-lah mustahak kepada pegawai² penyiasat tanah ini, kerana di-sana banyak tanah² yang akan di-buka hanya-lah menunggu pegawai² ini untuk menjalankan penyiasatan dan saya berharap-lah kepada Menteri ini supaya menambahkan sa-bberapa ramai yang boleh pegawai penyiasat tanah ini ka-negeri² Pantai Timor.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Dengan izin Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian ini dan sambil menyokong suka-lah saya menguchapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan atas usaha-nya mengambil berat tentang

hasil-mahsul petani² dan juga men-chukupi makanan kepada ra'ayat jelata—bukan sahaja perkara² itu sahaja, Tuan Pengerusi, di-jalankan bahkan menaikkan pendapatan peladang² dan mengelakkan diri daripada pasaran orang tengah. Oleh kerana Kementerian ini memberatkan sangat hal pendapatan penduduk² di-luar bandar, maka sudah kena-lah pada tempat-nya kita memberi *distinction* atau kepujian kepada Menteri yang berkenaan serta pegawai²-nya dari atas hingga-lah ka-bawah-nya.

Saya mula² suka menarek perhatian Menteri pada muka 81, Butiran (11)—Ahli Ekonomi Pertanian. Apa yang saya hendak mendapt tahu daripada Kementerian ini ia-lah ada-kah hasil-mahsul yang di-kerjakan oleh peladang² atau petani² itu betul² mendapatkan ekonomi kepada kehidupan mereka. Mithal-nya, Tuan Pengerusi, sa-orang pesawah yang mengerjakan sawah-nya sa-lama enam bulan tidak putus² dan sa-telah itu hasil-nya pun di-tuai dan sa-telah padi-nya itu di-dapati dan di-jual kepada saloran yang di-tentukan oleh Kerajaan, dapat-kah saloran² pasaran itu menjamin bahawa semua hasil-mahsul padi itu terjamin pasaran-nya dan juga harga-nya? Saya bertanya ini ia-lah kerana takut² nanti kalau FAMA, sa-telah membeli seluroh hasil padi di-tiga atau di-empat tempat padi yang besar itu dan tak ada tempat simpanan, maka dia pun menolak dan orang² tengah pun mula-lah memainkan jarum-nya. Oleh itu saya harap dengan ada-nya FAMA dan Persatuan Peladang, Tuan Pengerusi, semua hasil-mahsul padi yang di-keluarkan oleh petani itu berjaya mendapat pasaran dan juga harga atau pendapatan yang betul² mendatangkan ekonomik kepada petani² kita.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mengeshorkan di-dalam Kepala ini ia-itu chara² pertanian juga patut-lah pehak Kementerian meng-ambil perhatian ia-itu chara² pertanian dengan chara lama dengan menggunakan kerbau, menggunakan tangan. Ini sangat-lah tidak sesuai mengikut keadaan masa yang akhir² ini. Jadi, saya fikir pada pendapat saya, Tuan

Pengerusi, elok-lah Menteri yang berkenaan mengadakan jentera² yang boleh mencheptakan kerja² sawah bendang supaya daripada jentera ini kalau mereka itu hendak buat dalam dua ekar boleh-lah petani² ini membuat empat ekar, maka dengan keadaan ini dapat-lah petani² itu menambahkan hasil mereka itu. Bagi hendak menjalankan chara ini, mengikut pengalaman saya, apa yang saya tahu berkenaan dengan petani² persatuan² peladang yang pehak Kementerian menghantar melawat Formosa, Filippina dan negara² pertanian dan yang lain² dalam masa yang sangat sengkat, oleh itu saya shorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya menghantar pemimpin Persatuan Peladang ini ka-negeri Formosa yang mana mashor dengan chuchok tanam padi supaya dapat mereka itu belajar dalam masa enam bulan sa-kurang²-nya atau satu tahun supaya apabila mereka itu balek nanti dapat-lah di-tunjok ajar kepada petani² dalam kawasan itu.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya beraleh pula muka 82, Butiran (42), Pegawai Penerbitan dan Butiran (48) Pelukis atau dalam bahasa moden kita Artist. Apa yang saya harap benar² daripada Chawangan Penerbitan ini ia-lah supaya mengeluarkan banyak lagi risalah² berkenaan dengan pertanian dan juga bagaimana hendak meninggikan pendapatan pertanian kita. Ini kebanyakan petani² kita di-luar bandar yang baharu sahaja tahu sedikit sa-banyak pelajaran tulis menulis maka dengan chara bergambar ini dapat-lah memberi lebeh pengetahuan kepada kaum² petani kita. Chara² penerangan bergambar, Tuan Pengerusi, hendak digalakkan supaya kaum² kita di-luar bandar itu tahu benar² bagaimana hendak meninggikan atau menambah lebeh lagi hasil-mahsul mereka dan dengan itu boleh mereka juga meninggikan pendapatan mereka.

Beraleh saya kepada satu lagi ia-itu muka 84, Butiran (79), Pengarah Pertanian dan beliau juga menjadi Pendaftaran bagi Persatuan Peladang itu. Apa yang saya harap kepada pegawai² pertanian kita atau Bahagian Pertanian ini membuat satu statistics pokok² buah²an di-kampong dan menggantikan

pokok² yang lama yang sudah berkurangan mengeluarkan buah²an. Setelah dapat kita menyelidek berapa banyak pokok² durian, rambutan, chiku dan lain² pokok² buah²an yang lama itu hendak di-gantikan dengan pokok² baharu, maka dalam lima atau enam tahun yang mana pokok itu sudah mengeluarkan hasil dan pokok yang lama itu boleh-lah kita hapuskan. Sudah tentu jalan yang sa-macam ini akan menguntungkan kepada negara kita kerana kalau sa-kira-nya banyak buah²an yang di-keluarkan sudah tentu buah²an dari luar negeri kurang mendapat sambutan. Dalam pada itu pula, suka saya mengingatkan, sa-telah berjalan-nya shor² saya ini maka buah²an dari luar negeri hendak-lah di-sekat sedikit kemasokan-nya kalau tidak segala usaha tenaga petani itu akan menjadi sia² sahaja. Pehak Jabatan Pertanian juga hendak-lah jangan menggalakkan menanam pokok² buah²an sahaja tetapi hendak-lah menunjok ajar atau chara² bagaimana hendak menggantikan buah² tempatan untok di-makan di-dalam negeri atau di-exportkan keluar dan juga ra'ayat kita apabila hendak memakan sa-suatu buah tempatan itu tidak-lah payah menunggu musim sahaja—mithal-nya apabila musim durian, susah kita hendak menchari buah durian dan musim rambutan susah hendak menchari buah rambutan. Dengan chara mengetin sahaja-lah dapat kita menikmati atau kepada isteri² yang mengidam dapat memakan buah²an tempatan dengan tidak payah menunggu musim buah itu.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya pergi pula ka-muka 92, Bahagian Haiwan. Mula² biar-lah saya pergi ka-Butiran (237), Pengarah Perkhidmatan Haiwan. Apa yang suka saya menarek perhatian Dewan yang mulia dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apa yang saya nampak, negeri kita ini di-sabelah Malaysia Barat-Malaysia Timor saya tak berapa tahu sangat—di-kawasan Malaysia, di-tempat bandar² untok memelihara binatang. Kita tengoh-lah di-bandar Kuala Lumpur sahaja, kadang² ada kita dapati lembu² berkeliaran di-bandaraya Ibu Kota kita yang indah ini. Jadi kita rasa malu

kapada pelanchong² dan pelawat² memerhatikan lembu berjalan² di-atas jalan raya nampak tidak berapa elok-lah Ibu Kota kita. Dan harapan utamanya dapat-lah lembu itu berpisah dan hendak-lah di-tangkap dan di-sembeleh, saya shorkan di-sembeleh di-bahagi²kan untuk perkhidmatan masharakat kalau tidak di-tangkap, di-denda mithal-nya \$5 sa-kali tangkap pada tuan-nya. Maka kita pun sudah tengok chara ini, tidak berjalan juga maka chara² tangkap dan sembeleh itu akan berkesan sadikit, Tuan Pengerusi.

Saya ada dengar, Tuan Pengerusi, pehak Perbandaran ini ada cowboy²-nya sendiri tetapi saya tidak dapat mengerti mengapa lembu² itu bersepah terutama sa-kali di-waktu petang dan malam hari. Ada-kah mereka ada lagi atau tidak tetapi sa-kira-nya mereka itu maseh ada lagi saya hendak tahu sejak perkhidmatan-nya di-adakan berapa ekor-kah lembu telah dapat di-tangkap dan berapa-kah denda-nya telah dapat di-kutip oleh pehak Perbandaran di-Kuala Lumpur ini.

Satu lagi dalam perkara Haiwan ini juga, Tuan Pengerusi, ia-itu saya beralah kapada Butiran (242), Pegawai Penyelidek. Penduduk² kita di-luar bandar boleh-lah di-katakan kurang pengalaman tentang chara menyelidek. Penyelidekan mereka itu kebanyakan-nya ia-itu di-jalankan membela haiwan dan di-pelihara di-dalam satu tahun dan lepas itu baru-lah dapat mereka tahu ada-kah rugi atau untong. Kadang² sa-tengah² kita membela binatang itu datang pula penyakit dan haiwan itu pun mati. Maka di-taborkan segala research² dia itu di-mana menyatakan ah! pelihara ayam tidak baik bagitu dan bagini pelihara itek tidak baik dan orang yang mendengar itu pun per-chaya-lah. Apa yang saya harapkan di-sini supaya Pegawai Penyelidek ini memyibarkan risalah² berkenaan dengan ternakan sa-suatu haiwan itu. Bagaimana-kah chara memelihara-nya, umur bagini, dan makanan-nya, panas bagini selalu membawa atau memberitahu Pegawai² Haiwan pada bulan² yang di-tetapkan supaya penyakit haiwan itu tidak dapat hinggap. Ini tak dapat-lah binatang kita itu mendapat rawatan.

Mr (Deputy) Speaker: Masa sudah pukul 1 p.m. Meshuarat ini di-tanghohkan hingga pukul 4 petang.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4.05 p.m.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1967

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair)

Head S. 12—

Debate resumed.

Tuan Ramli bin Omar: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi menyambong ucapan saya dalam Perbekalan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama tahun 1967, saperti mana saya sebutkan tadi, bahawa Pegawai Haiwan kalau tidak di-panggil atau tidak datang membawa haiwan kita itu ka-pejabat-nya, maka tidak dapat-lah binatang kita itu dapat rawatan.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana penerangan² berkenaan dengan pemeliharaan binatang ini hendak-lah sama juga kita memberi penerangan sa-bagaimana hendak menanam padi dua kali sa-tahun.

Saya beralah pula, Tuan Pengerusi, satu lagi saya berjangkit ka-muka 95—Latehan Urusan Haiwan dan Pelajaran Perusahaan Ternak. Saya harap pusat² pelajaran perusahaan ternak ini hendak-lah di-banyakkan lagi supaya ilmu ternakan ini benar² masok ka-dalam otak kaum² kita di-luar bandar. Ternakan ini juga, Tuan Pengerusi, boleh mendatangkan atau menambahkan hasil negara kita. Kalau ra'ayat di-galakkan menternak haiwan maka sudah tentu kemasokan daging dan telur berkurangan maka sudah tentu wang kita banyak tidak keluar daripada negeri ini.

Di-dalam perkara Haiwan ini juga saya harap binatang² di-luar negeri yang boleh hidup di-negeri kita ini

yang boleh makan daging-nya hendaklah di-bawa masuk dan di-biakkan. Baru² ini menerusi Talivishen Malaysia kita dapat tahu ranchangan *Asia Vision* telah dapat menunjukkan ternakan kambing, tak asing lagi ia-itu kambing gurun. Kambing ini di-bawa ka-New Zealand daripada India tetapi sekarang telah biak dengan begitu banyak di-hutan². Jadi kalau kita bawa masuk kambing gurun ini ka-negara kita dan di-lepaskan dalam hutan dan dalam empat atau lima tahun maka kambing itu akan biak dan dapat-lah pemburu² kita menikmati atau menjadi satu hobi mereka memburu kambing² gurun.

Sekarang saya beroleh pula ka-Bahagian Kemajuan Kerjasama. Bahagian Kerjasama ini bukan sahaja samasa kita merdeka sahaja telah ada, tetapi sa-belum merdeka ia-itu zaman imperialis lagi kita sudah ada tujuannya ia-lah untuk meninggikan penghidupan penduduk² di-luar bandar. Semenjak kita merdeka hingga sekarang telah ada 3,000 sharikat kerjasama dan tak tahu-lah saya berapa yang hidup betul² seperti asas tujuannya. Mula² sa-kali biar saya pergi ka-Butiran (317)—Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama dan beliau juga telah menjadi Pendaftar Sharikat Kerjasama².

Semenjak merdeka hingga sekarang, sudah hampir² 10 tahun, telah banyak ada perubahan di-dalam Bahagian ini daripada pegawai-nya hingga-lah kepada pendapatan-nya, dan juga bermacam² chara Kerajaan telah membuat tetapi hasil-nya belum juga kita dapat lihat yang sa-benar²-nya. Dalam bahagian ini, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat ada Pesuruhjaya, Pendaftar, Odit, Pasaran, Pemereksa Kerjasama tetapi bahagian ini juga belum dapat menunjukkan bukti yang sa-benar² sa-bagai asas penubuhan sharikat kerjasama.

Saya fikir kalau tidak dapat menunjukkan bukti sa-telah merdeka hampir 10 tahun dan Kerajaan telah membelanjakan berjuta² ringgit harus di-beri nafas baharu seperti MARA. Bukan sahaja nafas—nyawa, rupa, pakaian dan fikiran—serba-serbi baharu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya pergi ka-Butiran (321)—Ketua Pegawai Pemasaran Kerjasama. Dengan tertuboh-nya FAMA dan Persatuan Peladang, maka kerja² Pegawai Pemasaran ini agak saya akan berkurangan sedikit. Apa yang saya harap, jika anggapan saya itu benar, maka pegawai ini hendaklah di-tukarkan ka-bahagian pasaran di-dalam Kementerian ini untuk memudahkan lagi perjalanan saloran pasaran petani². Dalam sa'at yang akhir ini, sekarang Kerajaan hendak mengurangkan sedikit perbelanjaan supaya sa-imbang dengan pendapatan negara, maka tukar menukar pegawai seperti ini harus di-lakukan—bukan sahaja pegawai pasaran dalam bahagian ini tetapi pegawai² di-tempat yang lain juga.

Dan lagi satu saya hendak tahu adakah Pasaran dalam Kerjasama ini benar² memberi faedah kepada Kerajaan dan saya juga hendak tahu, berapa-kah sharikat kerjasama pasaran yang benar² dapat meninggikan taraf hidup ahli-nya. Saya fikir chuma satu peratus sahaja sharikat yang benar² menjalankan pasaran-nya mendapat faedah kepada ra'ayat dan mengharumkan nama baik Kerajaan. Ada sharikat² kerjasama yang Kerajaan memberi pertolongan dengan tidak ada apa² sandaran, tetapi dalam beberapa bulan sharikat kerjasama itu berjalan telah di-tutup. Saya hendak tahu siapakah yang merekmenn atau membuat repot² untuk mendapatkan pertolongan daripada Kerajaan. Biasa-nya apa yang saya dapat tahu Kerajaan bukan-lah, apabila hendak memberi sa-suatu pertolongan itu, memberi dengan membabi buta sahaja sudah tentu-lah ada sa-suatu repot yang mengatakan ekonomi perjalanan sharikat ini dan mampu membayar balek segala pertolongan yang di-beri itu. Jadi dalam masa hadapan ini apabila Kerajaan hendak memberi pertolongan kepada sa-suatu sharikat jangan-lah perchaya kepada repot² atau laporan yang mengatakan perjalanan sharikat ini ekonomi dan mampu tetapi juga hendaklah ada sandaran yang berharga lebih kurang banyak-nya pertolongan yang di-beri kepada sharikat itu. Dengan chara ini

saya rasa sharikat² kerjasama akan bekerja keras sedikit dalam menjayakan sharikat²-nya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beredar pula kepada Butiran (319)—Juru Odit dan Akauntan Sharikat Kerjasama. Oleh kerana saya dapat tahu banyak sharikat² kerjasama telah tidak dapat di-odit oleh pihak Kerajaan dan bagi mengatasi masalah ini saya harap sharikat² kerjasama sudah-lah sampai masa-nya untuk berdiri di-atas kaki-nya sendiri dan tidak-lah mengharap doa restu semua-nya dari Kerajaan. Apa yang saya faham bahawa sudah banyak tahun arrears sharikat belum dapat di-odit. Oleh itu dapat-lah kira-nya sharikat² kerjasama yang belum dapat di-odit mengambil perkhidmatan sharikat odit private untuk mengatasi kerumitan odit, atau pihak sharikat kerjasama Kerajaan hendak-lah membuat suatu arahan supaya semua buku² sharikat yang belum di-odit di-hantar ka-Pejabat Kerjasama untuk di-odit dan boleh mengurangkan perbelanjaan dan juga masa Pegawai² Odit di-dalam perjalanan. Kalau tidak di-buat satu² chara untuk masalah odit ini maka akan bertambah kusut-lah Jabatan Kerjasama menjalankan kerja dan sharikat² akan menyalahkan Kerajaan kerana tidak mengodit sharikat² mereka. Untuk langkah hadapan, Jabatan Kerjasama hendak-lah menegaskan sedikit chara odit-nya dan mengeshorkan bilangan sharikat² yang berselerak ini dapat di-kechilkan sedikit mengikut kawasan atau tempat dan chuma satu sharikat di-adakan buat satu² kawasan atau satu tempat itu dan dengan ini pihak kerjasama akan dapat mengatasi kesukaran atau kekusutan sharikat kerjasama dan juga saya mengeshorkan supaya, untuk masa hadapan ini, sharikat² kerjasama hendak-lah berikhtir supaya sharikat mereka itu dapat di-odit sa-tiap tahun.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beredar pula tentang Butiran (330)—Pegawai Kerjasama, Butiran (331)—Pemereksa Kerjasama—jumlah pegawai yang mengawas dan mengawal sharikat kerjasama di-sini nampak-nya 221 dan ada saya dengar sharikat yang tidak

betul perjalanan-nya dan tidak termasuk pegawai Division I berjumlah 35 dan belum lagi masuk pegawai² dari chawangan odit yang berjumlah 107 untuk tahun 1967 ini dan tidak termasuk pegawai² kerani dan lain² untuk mentadbir sharikat di-Malaysia Barat sahaja. Kalau sa-orang Pegawai Kerjasama mengawas dan mengawal 30 sharikat dengan di-bantu Pemereksa Kerjasama, sudah tentu pentadbiran sharikat kerjasama akan dapat berjalan dengan betul untuk meninggikan taraf hidup orang² kampung. Jadi saya ingat kalau tidak ada nampak-nya kemajuan, kita sudah pun buat sa-bagaimana pilot projek hampir² 10 tahun kita merdeka, belum lagi kita nampak kemajuan-nya yang betul² dan Kerajaan pun telah banyak menolong.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya beredar pula ka-muka 108 Pechahan-kepala 71—Pelajaran Kerjasama. Oleh kerana telah hampir 10 tahun yang saya katakan tadi sharikat kerjasama belum juga menunjukkan kemajuan yang boleh meninggikan mata pencharian ra'ayat maka saya fikir puncha²-nya ia-lah daripada pengajaran pelajaran kerjasama. Jadi sa-kira-nya betul pusat menyebarkan pelajaran kerjasama ini harus di-ubah daripada chara routine daripada zaman colonial dahulu. Chara demikian nampak-nya tidak mendatangkan faedah atau mengikut zaman prektik kita tak dapat menyedarkan ra'ayat—jadi harus-lah di-chari satu aliran lain daripada negeri² yang telah maju berkenaan hal sharikat ini. Saya ada mendengar banyak Pegawai² Sharikat telah di-hantar berkursus di-luar negeri seperti Canada, England, Sweden, Japan dan lain²-nya ada-kah mata pelajaran yang di-dapati itu di-sebarkan atau habiskan di-repot sahaja. Jadi saya harap buat masa hadapan ini, kira-nya kerjasama ini tidak dapat menunjukkan kemajuan-nya, hendak-lah suatu ikhtiar baharu di-chari. Walau pun begitu, Tuan Pengerusi, saya menyokong Rang Undang² Perbekalan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Terima kaseh.

Tuan C. V. Devan Nair (Bungsar):
Mr Chairman, Sir, I shall speak, first

of all, under Head S. 12, on page 96, Commissioner for Co-operative Development, who is supposed, among other things, to concern himself with the registration of co-operative societies. The Plantation Workers Multi-Purpose Co-operative Society applied for registration on 23rd September, 1966. Four reminders had to be sent before the first response was forthcoming from the Commissioner for Co-operative Development; reminders were sent on 1st November, 1966, and again on 17th November, 1966, again on 28th November, 1966, and yet again on 19th December, 1966. At last, on 3rd January, 1967, the Commissioner replied to the Society's lawyers that their applications for the Society's registration under the Co-operative Societies Ordinance, 1948, was under study and that this study was expected to take some time, but every effort would be made to speed up matters—and all the indications, Sir, are that matters continue to be speeded up very, very slowly indeed.

It may be that there are fears in certain political quarters, notably in the M.I.C., that the registration of this Society may undermine certain ventures associated with the leadership of this Party. It would be most unfortunate for this country if the pettiest kind of political partisanship prevented co-operative development on the part of those whom such development is primarily intended to benefit—the plantation workers in this country.

I must warn that any attempt to deny registration to the Plantation Workers' Multi-Purpose Co-operative Society will not be met with silence or passivity. The information at my disposal suggests that massive support will be forthcoming for fighting the matter in the courts right up to the Privy Council level. The dirty linen that would be displayed in the process is bound to bring odium on those responsible, both nationally and internationally, and also bring into disrepute the *bona fides* of the Government, both nationally and internation-

ally, with regard to sound and healthy co-operative development, independent of political partisanship of any kind.

International precedents are not lacking to justify this application for registration on the part of the Society concerned. Let me read, Sir, from Resolution No. 57 concerning national and international action to assist plantation workers in the promotion and development of co-operative movements—a resolution passed by the International Labour Organisation Committee on Work on Plantations in May, 1966 and let us bear in mind that our Government is a member of the International Labour Organisation. This is what the resolution says—

“Considering that, having regard to the desirability of providing opportunities to workers, whose employment is likely to be terminated as a result of the sale or closure of a plantation, to continue in gainful and productive activities, it is desirable that plantation workers' co-operatives should have adequate facilities to purchase at fair prices and on reasonable terms of payment such plantations as are sold or closed in circumstances which would result in unemployment of the workers employed thereon;” and also

“Considering the important role the trade union movement has to play in assisting and representing plantation workers in the negotiations for financial assistance within the framework of national policies, both from private and public, national and international, resources;”

Considering these two factors, they have gone on to resolve, and I quote:

“to make an appeal to governments of member States”—and we are a member State—“of the International Labour Organisation to introduce measures both at the national and international level through which financial and technical assistance, including education and training, could be made available to plantation workers for forming voluntary co-operatives.”

Let us note, Sir, that this International Labour Organisation Resolution talks about trade unions and plantation workers. It does not talk about politically orientated co-operative groups.

Again, Sir, let me refer to I.L.O. Recommendation No. 127—recommendation concerning the role of co-operatives in the economic and social

development of developing countries—and among its objectives it states as follows:

“The establishment and growth of co-operatives should be regarded as one of the important instruments for the economic, social and cultural development as well as human advancement in developing countries.” In particular, “co-operatives should be established and developed as a means of improving the economic, social and cultural situation of persons of limited resources and opportunities as well as encouraging their spirit of initiatives.”

Sir, dealing with this particular problem, the International Labour Organisation recommends that “in cases where measures are being envisaged for the transfer of ownership or the division of large estates, due consideration should be given to the organisation by the beneficiaries of the co-operative systems of cultivation”.

Sir, anyone, who cares to peruse the recommendations of international bodies, like the International Labour Organisation on co-operatives, cannot fail to appreciate that any attempt to deny registration to the Plantation Workers' Multi-Purpose Co-operative Society, on the basis of petty political partisanship, will fly in the face of both national and international opinion.

There is very little to study about the objectives and the bye-laws of the proposed Society. They have been framed on the basis of expert legal advice and in complete conformity with the Co-operative Societies Ordinance, 1948. The suspicion, therefore, arises that the delay in according registration is due more to sectional political considerations than to anything else. It is to be hoped, Sir, that the Government will not allow itself to succumb to partisan political pressure in dealing with this matter because I, for one, would hate to see our Government being brought into international ridicule for having flouted international opinion and precedents on this matter.

Next, Sir, very briefly I would like to touch, under Head S. 12, page 81, on the Ministry of Agriculture and Co-operatives itself. Sir, one would want to know what this Ministry Head-

quarters has done with regard to the plight of Malayan padi tenants. I refer to the plight of these tenant farmers who are exploited by land owners because they do not enjoy the benefit of Government protection in terms of rent control or security of tenure. We know, Sir, that in 1955, the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance was enacted, which, among other things, fixed a ceiling for rent at one-third of the harvest; but this Ordinance might as well not have been enacted at all for the good reason that it has hardly ever been implemented. In actual fact, padi tenants are paying one-half to two-thirds of their harvest as rent, apart from their chronic indebtedness to middlemen of all races.

I have said that the Ordinance has hardly been implemented and, if this is to be denied, I must invite the Minister to inform this House as to how many prosecutions and convictions have been made and secured since 1955 for infringements of the Ordinance. I hope, Sir, that the Honourable Minister does not ask us to believe that the land owners in Malaya, and in Malaysia generally, are incapable of exploitation and are an angelic lot who do not exploit their tenants or try to squeeze every possible cent out of them. For all practical purposes, it would seem that the only beneficiary of the Ordinance has been the Government itself, which has been able to flaunt the Ordinance in international circles as a progressive piece of legislation which a developing country like Malaysia can be proud of. Unfortunately, international circles do not understand that this is a piece of progressive legislation which has not been implemented.

In reply to a question at this session of Parliament, the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives expressed the hope that he would be able to table amendments to the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955, at the next session of Parliament. Sir, I have put the same question at almost every session of Parliament in the past one

year. The answer has invariably been one indicative of procrastination and indifference. We would like to know why the Government requires more than two years, if not more, to amend the Ordinance, when two experts, who studied this matter of amending the Ordinance, submitted their reports as far back as April, 1965.

The purpose of effective tenancy legislation is to establish equitable tenure relationships, which provide for continuous farming operations, sustained production, a reasonable standard of living for the cultivator and his protection against undeserved eviction. It is only when the cultivator is assured that he would enjoy benefits from his additional efforts and his permanent or semi-permanent investment that he will be encouraged to make all the improvements he possibly can in relation to productivity and to the development of agricultural resources. Insecurity of tenure will not only discourage initiative, but may permanently damage the land by tempting the cultivator to indulge in practices which lead to soil exhaustion. I would urge the Government, Sir, to give the utmost priority to the implementation of effective and equitable tenancy relationships, in order to increase the living standards of the cultivators and to raise agricultural productivity. Thank you, Sir.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sa-bagai wakil yang datang daripada kawasan pertanian, saya bangun menyokong dan mengalu²kan peruntokan perbelanjaan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini. Tuan Pengerusi, saya juga turut mengucapkan sa-tinggi² terima kaseh dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama di-atas kegiatan beliau berusaha memaju dan membanyakkan hasil pengeluaran pertanian dalam negara kita ini, untuk mengsaibangkan dengan kehendak dan keperluan negara.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 106, Chawangan Penyelidek Pechahan-

kepala 33, Kawalan Musoh² dan Penyakit Tumbahan². Tuan Pengerusi, satu daripada jenis penyakit yang sering menyerang kawasan pertanian, terutama sa-kali di-kawasan Krian, ia-lah jenis penyakit padi merah—penyakit merah, atau satu lagi penyakit ia-itu penyakit chaching halus. Penyakit ini telah banyak mengakibatkan kerosakan² padi di-kawasan Krian dan juga di-beberapa kawasan yang lain² di-tanah ayer kita ini. Saya sedar bagaimana perkara ini telah mendapat perhatian daripada pehak Kementerian yang berkenaan dan pehak Kementerian yang berkenaan telah pun menghantarkan pakar² untuk menyiasat dan menyelidek puncha² penyakit tersebut. Tetapi apa yang mendukachitakan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sehingga masa ini maseh belum didapati apa-kah hasil penyiasatan yang di-perolehi oleh pakar² itu, yang mana ada-kah penyakit merah dan penyakit chaching halus yang seringkali menyerang pokok² padi itu telah dapat di-chegah atau ada ubat yang boleh menchegeh penyakit² itu. Saya rasa, kalau-lah ada ubat-nya dan boleh di-chegah penyakit ini, maka perkara ini ada-lah satu berita yang baik kepada petani², terutama sa-kali di-kawasan saya di-mana sering-kali penyakit tersebut, boleh di-katakan tiap² tahun, menyerang pokok² padi.

Tuan Pengerusi, yang kedua-nya saya suka menyentuh muka surat 107, Bahagian Parit dan Taliayer. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh kepada jabatan ini yang telah berusaha menjayakan ranchangan, ia-itu meninggalkan paras muka ayer di-kolam Bukit Merah, ia-itu sa-buah kolam yang selama ini telah memberikan perbekalan ayer kepada seluroh kawasan pertanian—kawasan Krian—dan di-sabahagian Seberang Perai Selatan. Pada tahun yang lalu, Tuan Pengerusi, sa-banyak 13,000 ekar sawah di-kawasan Krian Barat telah di-mulakan dengan penanaman padi dua musim, dan mengikut apa yang saya faham, pada awal tahun ini pula sa-banyak 30,000 ekar lagi akan di-tanam dengan padi jenis dua musim di-kawasan Krian Darat.

Tuan Pengerusi, apa yang menyebabkan saya ia-lah, kawasan saya adalah bersempadan dengan kawasan Krian Darat dan hasil daripada pembesaran dan peninggian paras muka ayer kolam Bukit Merah ini tidak dapat dinikmati, hanya dapat di-dengar dan dilihat sahaja oleh petani² yang tinggal di-kawasan saya. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya seringkali di-datangi oleh petani² di-kawasan saya, mendesak supaya mereka juga dibenarkan menanam padi dua musim sahaja kerana mereka ingin benar untuk hendak memperbaiki dan menambah pendapatan kehidupan mereka, kerana penduduk² di-kawasan saya hanya pertanian-lah mata pencharian kehidupan mereka, Tuan Pengerusi. Tetapi, bilamana hasrat mereka itu saya kemukakan kepada pihak berkenaan, pihak Jurutera Parit dan Taliayer Daerah dan juga Negeri telah menjawab yang mana, bahawa kedudukan perbekalan ayer yang ada di-kolam Bukit Merah hari ini tidak-lah mencukupi untuk hendak di-beri perbekalan ayer kepada seluruh kawasan persawahan Krian. Dan kalau hendak di-tanam padi dua musim sahaja pada seluruh kawasan pertanian di-daerah Krian itu, maka kena-lah paras muka ayer di-kolam Bukit Merah itu di-pertinggikan lagi. Dan untuk hendak meninggikan lagi paras muka ayer di-kolam Bukit Merah itu, mungkin beberapa masa-lah akan timbul, terutama sekali kawasan² di-sekitar kolam tersebut akan menghadapi banjir atau pun banyak tanah² akan tenggelam. Jadi, jawapan ini, Tuan Pengerusi, adalah satu jawapan yang menghampakan sa-bahagian besar daripada petani² yang tinggal di-kawasan² saya.

Dan saya suka-lah mendesak kepada pihak Kementerian yang berkenaan agar dapat mencari satu jalan supaya membolehkan petani² di-kawasan saya merasa nikmat untuk bertanam padi dua musim tahun ini, terutama sekali jalan yang di-nampak ia-lah Sungai Krian itu boleh menjadi sumbu untuk di-salurkan ayer-nya ka-kawasan persawahan di-kawasan sa-belah Krian Laut dan bukan sahaja kawasan Krian Laut, malah sa-bahagian kecil Seberang Prai Selatan juga, kalau-lah ayer

di-Sungai Krian itu dapat di-pamkan dan di-buat empang dan sa-bagai-nya, maka ini akan memberi faedah yang besar kepada petani².

Jadi, saya harap-lah perkara ini berjalan dan, macam mana juga, akan di-ambil perhatian oleh pihak Kementerian yang berkenaan, kerana saya bimbang, Tuan Pengerusi, pada tahun yang lalu kebanyakan petani² telah meminta kebenaran untuk hendak mengusahakan menanam padi dua musim ini, tetapi telah tidak dibenarkan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliayer. Mengikut apa yang saya tahu pada tahun ini sama ada dibenarkan atau tidak, banyak petani² itu akan cuba sendiri menanam padi dua musim ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang ketiga-nya, saya suka-lah menyentoh muka surat 105, Pechahan-kepala 15 ia-itu Perbelanjaan Pentadbiran kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sa-tinggi² terima kasih dan tahniah kepada pihak FAMA yang telah memasukkan Kawasan Krian di-bawah kawasan yang akan di-kelolakan-nya. Tuan Pengerusi, pada masa ini di-kawasan Krian petani² sedang sibok menuai padi-nya, walau pun pada musim ini padi yang di-keluarkan tidak di-beli oleh FAMA tetapi faedah daripada kawasan tersebut di-pilih oleh FAMA telah dapat di-rasai oleh petani² pada masa ini. Pada musim ini harga padi di-kawasan tersebut telah meningkat dengan tinggi-nya dan potongan² yang telah berlaku pada beberapa tahun yang lalu telah tidak berlaku lagi dan kalau harga padi yang telah di-tetapkan oleh Kerajaan sa-banyak \$16 satu pikul tetapi hari ini bukan \$16 harga yang di-beli oleh pembeli, bahkan ada yang membeli lebih daripada \$17.

Tuan Pengerusi, terlanjur saya menyebut berkenaan dengan harga padi ini, saya suka-lah menarek perhatian Menteri yang berkenaan dan juga perhatian pihak Kerajaan supaya mengkaji sa-mula di-atas kedudukan harga padi yang ada pada masa ini.

Kita tahu-lah ia-itu harga padi \$16 satu pikul yang ada pada masa ini ia-itu padi² musim, padi Mahsuri dan padi Malinja dan kapada padi² di-luar musim \$14 ada-lah harga² yang telah di-tetapkan dari sejak beberapa tahun yang lalu dan harga² ini kalau dibandingkan dengan kenaikan² harga barang² yang berlaku di-negara kita pada hari ini ada-lah tidak sesuai lagi. Oleh yang demikian demi untuk kebaikan dan untuk kesejahteraan kehidupan petani², sa-lain daripada ranchangan² yang di-buat oleh Kerajaan menambahkan hasil pengeluaran dengan mengadakan penanaman padi dua musim sa-tahun dan sa-bagai-nya, maka saya menhadangkan supaya harga padi daripada \$16 ini di-naikkan kapada \$18. Pada padi² musim dan padi² Mahsuri dan Malinja dan kapada padi yang di-luar musim hendak-lah di-naikkan daripada \$14 kapada \$16.

Tuan Pengerusi, saya sedar perkara ini telah kerap benar di-suarakan didalam Dewan yang mulia ini oleh wakil² yang datang daripada kawasan pertanian, tetapi seringkali jawab yang di-berikan oleh Menteri yang berkenaan, oleh pihak Kerajaan, ia-lah harga yang ada pada hari ini sudah melebehi daripada patut dan harga yang ada pada hari ini telah menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian. Kalau di-naikkan lagi, boleh jadi Kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang lebeh besar berhubung dengan harga padi ini. Tetapi suka-lah saya meminta kalau demi untuk memperbaiki keadaan kehidupan petani², apa-kah salah-nya Kerajaan berugi sedikit supaya petani² kita akan dapat mengechap faedah yang lebeh baik, supaya petani² kita akan bertambah galak untuk hendak menambahkan hasil pertanian ia-itu hasil padi ini. Jadi, saya berharaplah supaya kali ini, saya harap pihak petani² tidak lagi akan mendengar jawapan daripada pihak Kerajaan sa-rupa juga dengan jawapan² yang di-berikan pada tahun² yang lalu.

Tuan Pengerusi, akhir-nya saya suka menyentoh muka surat 108,—Bahagian Haiwan, Pechahan-kepala

64 ia-itu Menternak Ternakan, atau Kemajuan Ternakan. Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak bangkitkan disini ia-lah berhubung dengan pembelaan bagi. Di-kawasan saya, Tuan Pengerusi, masalaah pembelaan babi ini kerap benar timbul dan menimbulkan perselisihan di-antara orang² Melayu dengan orang² China, kerana beberapa kawasan orang² China yang tinggal di-kawasan orang Melayu telah membela babi ini dengan berluas² ia-itu di-biarkan babi itu berkeliaran di-kampung² orang Melayu dan ada sa-tengah tempat pula walau pun di-buat kandang dan sa-bagai-nya, tetapi oleh kerana keadaan kawasan itu sempit, maka ayer yang mengalir daripada bawah kandang babi tadi telah mengalir di-hadapan parit longkang yang berhadapan dengan rumah orang Melayu, atau pun mengalir di-tepi² dapur orang² Melayu. Perkara ini telah pernah di-beritahu kapada pihak yang berkenaan, tetapi pihak yang berkenaan hanya dapat memberi nasihat kapada pihak pembela² itu supaya menjaga babi ini dengan lebeh baik, ia-itu dengan membuat parit dan sa-bagai-nya supaya ayer yang bertakong² mengalir di-bawah kandang babi itu tidak mendatangkan jujuk kapada penduduk² Melayu.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini, walau pun kecil tetapi perkara yang saperti ini, kalau di-biarkan, boleh menimbulkan perselisihan faham yang meluas. Jadi, saya suka-lah mengeshorkan kapada pihak Menteri yang berkenaan supaya membuat satu peratoran melarang orang² China yang tinggal atau diam di-kawasan perkampungan orang² Melayu supaya jangan membela babi.

Dan kalau pun orang² ini hendak membela babi, maka hendak-lah mereka itu di-berikan satu kawasan yang jauh daripada kawasan kediaman orang² Melayu. Dengan chara yang demikian Tuan Pengerusi, kita harap akan dapat memelihara keharmonian hidup antara bangsa di-dalam tanah ayer kita ini. Kita bukan-lah bermaksud hendak melarang orang² China membela babi dan sa-bagai-nya. Tetapi apa yang kita kehendaki, biar-lah satu usaha yang di-jalankan oleh tiap² satu

orang itu, tidak akan menyentoh perasaan satu golongan yang lain.

Sekian sahaja-lah, Tuan Pengerusi dapat saya berikan berhubung dengan perbahathan mengenai peruntokan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini. Dan akhir-nya saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Tuan Pengerusi yang telah mengizinkan saya beruchap. Terima kaseh.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Saya suka menyentoh dalam S. 12, Pechahan-kepala 55, muka 107, berkenaan Mengukor dan Menyiasat dalam Jabatan Parit dan Taliayer. Kalau di-perhatikan dalam perenggan Menyiasat dan Mengukor dalam Jabatan Taliayer ini, sa-banyak hanya \$55,000 saya berpendapat, Tuan Pengerusi, tidak-lah menchukupi, kerana tugas Jabatan Parit dan Taliayer ini, ada-lah tergantung kapada keseluruhan nadi² pembangunan yang akan di-laksanakan oleh Kerajaan. Kerana Jabatan Taliayer ini akan menjadi satu jabatan pioneer, kerana mereka akan masok terlebih dahulu menyiasat, sama ada tempat itu boleh di-gunakan atau pun tidak; tetapi peruntokan terlalu kecil.

Di-dalam zaman pembangunan ini, banyak perkara² yang hendak kita buat semua-nya tergantung di-atas siasatan. Saya berharap kapada Menteri yang berkenaan dapat berikhtiar dan memberikan peruntokan yang lebeh banyak daripada itu. Kerana, di-dalam menyiasat, kebanyakan sungai², anak² sungai, parit² kecil, parit² besar, terusan² ayer atau pun cannal ada-lah tergantung di-atas siasatan itu.

Bari² ini kita sebok dengan banjir. Jadi, oleh kerana ada-nya seruan daripada Yang Teramat Mulia Tunku, bahkan sungai² akan di-perbaiki, apabila yang kita kehendaki di-perbaiki itu, maka kita akan menggunakan satu ikhtiar untuk menyiasat terlebih dahulu.

Saya tahu, di-waktu sa-belum kita Merdeka di-dalam penjajahan, maka siasatan yang di-buat oleh Jabatan

Parit dan Taliayer ini lebeh mendalam. Tiap² sungai dapat di-atasi, dapat di-selidek bagaimana kaedah dan keadaan hendak menjaga keruntohan² tepi² tebing sungai dan menjalankan ikhtiar dan tenaga untuk mengelakkan supaya keadaan itu jangan berlaku, saperti mengadakan river tailings atau pun membuboh panchang di-tepi tebing sungai dengan buloh atau pun kayu bakau. Sa-sudah kita merdeka sungai² yang sa-umpama ini kebanyakan terbiar bagitu sahaja, dan tidak pula mengambil siasatan yang penoh kalau keadaan itu tidak bagitu bahaya.

Pada pandangan sa-imbas lalu, saya suka mengambil perhatian ini kerana di-kawasan saya sendiri di-Telok Datok yang mana sungai Kuala Langat atau pun Sungai Langat itu, lalu di-tempat kawasan yang tersebut. Di-tepi tebing sungai ini terletak-nya balai Polis Kuala Langat. Bukan balai sahaja, bahkan rumah² mereka, pegawai² semua-nya di-tepi tebing Sungai Ulu Langat, atau pun Kuala Langat. Baru² ini tepi tebing sungai itu sudah mula retak sa-panjang sa-lebar lebeh kurang lima puluh ela, masok merentasi di-bawah rumah tempat pegawai² polis ini duduk. Jadi dengan takdir Tuhan, barangkali yang pemurah, pegawai polis ini waktu memeriksa ia-itu yang di-katakan kit inspection, apakala ternampak perkara itu berlaku dan di-sampaikan kapada pehak yang berkenaan, maka dengan lekas-lah pehak yang berkenaan mengambil tindakan. Ini saya uchapkan terima kaseh kapada Jabatan Taliayer. Jadi, oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, kalau-lah peruntokan itu sama menyiasat sama mengukor hanya terletak kapada \$55,000 keseluruh keadaan negara kita ini, saya rasa tak sa-jauh mana yang dapat kita buat. Dan saya berharap kapada Menteri yang berkenaan chuba-lah tinjau lebeh jauh lagi perkara yang tersebut.

Sekarang saya beredar kapada Butiran (121), Pegawai Penyelidik Kanan. Dalam kawasan saya ada-lah dijalankan bertanam kelapa semula sa-banyak sa-ribu ekar lebeh. Maka ini saya menguchapkan ribuan terima

kaseh kapada Menteri yang berkenaan yang telah menjalankan tugas yang baik dan kelapa² ini ada-lah di-sambut dan di-sanjong tinggi oleh seluroh penduduk di-dalam Kuala Langat. Oleh yang demikian rayuan² telah pun dibuat untuk di-sampaikan kapada pehah yang berkenaan supaya dapat peruntokan pada tahun ini, bertanam kelapa semula, lebeh banyak, kerana ini ada-lah menjadi satu galakan kapada Kementerian yang berkenaan kelapa² yang telah tua itu yang tidak mengeluarkan hasil yang begitu baik dapat di-perbaiki.

Tetapi apa yang saya harapkan kapada beneh² yang akan datang, yang akan di-sampaikan kapada peladang² yang menanam kelapa semula ini, jangan di-biarkan sahaja beneh itu datang-nya daripada pilehan² daripada peladang² itu sendiri. Kerana, pilehan² peladang² ini tidak akan mendatangkan faedah yang baik kapada peladang² kita sendiri sa-bagaimana yang kita dapat di-dalam menanam getah semula; mereka lebeh suka mendapatkan beneh² mereka sendiri yang lebeh murah, yang lebeh mudah. Ini akan mengancam dan merugikan mereka itu sendiri. Jadi oleh yang demikian, sa-patut-nya elok-lah di-adakan satu tempat untuk menyemai beneh yang mana pakar² itu fikirkan patut dan baik di-tanam semula.

Saya suka menyangkutkan sedikit dalam perkara kelapa ini kapada kelapa sawit. Kelapa sawit juga sudah menjadi galakan peladang² di-dalam kawasan saya sa-hingga hari ini, tak kurang daripada 12,000 ekar yang akan di-tanam dan yang sudah di-tanam.

Mereka mendapatkan segala beneh² ini daripada peladang², daripada ladang² majikan-nya, estate, yang berhampiran dengan kampung² mereka. Saya khuatir di-dalam mereka mendapatkan beneh² yang di-tanam dalam ladang² mereka itu tidak begitu baik. Oleh yang demikian di-dalam Butiran (181), Penyelia Tapak Semaian, saya harap akan dapat berusaha supaya dapat masuk ka-dalam estate² melihat dengan sendiri-nya bahawa semaian yang di-buat oleh peladang² di-dalam

ladang mereka itu sa-benar²-nya beneh yang baik untok di-jual kapada peladang² kechil berhampiran dengan ladang² mereka itu sendiri. Oleh yang demikian dapat kita mengatasi segala kesulitan² yang menjadi kerugian kapada peladang² yang ada di-kawasan² tersebut.

Saya beredar kapada Butiran (314), Pegawai Haiwan. Berkenaan dengan pawah, ini satu gerakan yang paling baik dan yang paling elok bagi menambah pendapatan² petani², peladang² di-luar bandar. Satu kerumitan yang telah saya dapat dalam kawasan saya ia-itu apabila haiwan ini telah banyak di-dalam kawasan² yang tersebut, maka kebun², tanaman² di-dalam kawasan ini menjadi rosak. Apa yang saya harap di-chuba menchari ikhtiar, chuba menchari jalan untok menentukan di-dalam beberapa kawasan, beberapa kampung, beberapa mukim, di-tentukan satu kawasan khas untok haiwan² ini pergi makan atau bertanam untok menchari makanan mereka, ia-itu *grazing land*. Kalau tidak ada di-untokkan tempat untok di-tanam rumput² untok haiwan ini, maka saya rasa lama kelamaan keseluruhan kampung akan berkelahi di-antara mereka sendiri. Kebanyakan dalam kawasan kampung itu tidak-lah kita dapat kawasan² yang luas untok kita khaskan untok kita tanam rumput bagi makanan haiwan ini tetapi boleh-lah kita arahkan kapada Kerajaan Negeri mendapatkan peruntokan bagi mengadakan tempat yang tersebut.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu²kan peruntokan Anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama bagi tahun 1967 bagaimana yang terchatit dalam S. 12, yang sa-banyak \$22,264,470.00 berbanding dengan \$19,482,899.00 bagi tahun 1966.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, jumlah yang tersebut harus di-tambahkan lagi memandang kapada pesat-nya perjalanan Kementerian ini dan kewajipan² yang sa-makin bertambah bagi masa yang akan datang. Tuan Pengerusi, Malaysia pada hari ini dan pada tahun yang akan datang ada-lah sa-buah negara pertanian kapada penduduk²

luar bandar sendiri. Pada masa sekarang ini pertanian ada-lah merupakan bukan sahaja tulang belakang ekonomi mereka tetapi ada-lah nyawa mereka. Mithalnya, Tuan Pengerusi, di-dalam kawasan saya, Perlis Selatan, 50,000 orang penduduk yang ada-lah bergantung kepada hasil padi yang merupakan *purchasing power* atau di-dalam terjemahan-nya daya pembeli, tetapi hingga sekarang ini sa-bahagian besar daripada pak tani belum dapat menchapai kehendak² itu sa-bagaimana yang telah di-chapai oleh kaum² tani dalam negeri Taiwan. Kebanyakan-nya bila tiba musim menuai, sa-telah ditolak bermacham² hutang saperti hutang sewa tanah, hutang sewa kerbau atau trektor dan belanja² sawah, kerja sawah, jangankan hendak membeli-belah dan persekolahan buku anak²-nya, barangkali padi beras untok makan famili-nya bagi tahun hadapan tak menchukupi peruntokan-nya.

Tuan Pengerusi, soal yang rumit yang sedang di-hadapi oleh pak tani dalam kawasan saya pada hari ini yang pertama keluasan bendang yang semakin tidak menchukupi bagi satu² keluarga. Yang kedua, soal membekal ayer dan membuang ayer yang maseh belum terator, yang harus mengambil masa yang panjang bagi mengator-nya. Dan yang ketiga, soal pembahagian baja yang maseh belum sempurna, dan soal pemasaran padi. Tuan Pengerusi, memandang kapada hal yang tersebut, masa-nya sudah sampai bagi Kementerian ini menyemak sa-mula perkhidmatan Kementerian ini dan memandang kapada tidak chukup masa bagi Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Kerjasama menjalankan tugas-nya, saya harap satu jawatan baharu hendak-lah di-pertimbangkan ia-itu jawatan Menteri Muda atau *Junior Minister* di-adakan sa-bagai Menteri penjelajahan atau *travelling Minister* bagi menolong Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang sa-bahagian besar-nya tidak menchukupi masa. Saya tahu, Tuan Pengerusi, kadang² dia pergi ka-Perlis hanya satu jam sahaja dia tinggal disana. Dan pak tani sana dendam hendak berbual, hendak beramah mesera dengan Menteri Yang Berhormat. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Pengerusi,

saya harap-lah bahawa shor saya ini akan mendapat pertimbangan yang sak-sama dari Menteri Kewangan supaya mengadakan jawatan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, berbalek saya kapada S. 12, muka 83, Pusat Pembangunan dan Penyelidekan Makanan. Ini ada-lah satu Pusat yang penting bagi negara kita, Malaysia, memandang kapada banyak bilangan penduduk-nya makin sa-tahun makin bertambah, tetapi pusat ini tidak dapat memainkan peranan yang penting kerana masaalah penyelidekan atau research ini ada-lah berkehendakkan kumpulan wang yang banyak. Saya mengeshorkan kapada Menteri Pertanian supaya menubuhkan sa-buah yayasan penyelidekan teknologi makanan dan pehak kilang² yang mengeluarkan bahan² kilang² beras, kilang tepong dan lain² perniagaan, yang berkenaan hendak-lah menyumbangkan derma mereka kapada yayasan yang tersebut. Saya perchaya dengan ada-nya kerjasama dan pengorbanan daripada pehak² yang saya sebutkan itu maka Pusat Pembangunan dan Penyelidekan Teknologi Makanan ini dapat membuat perkhidmatan yang chemerlang bagi seluruh ra'ayat Malaysia sa-benar-nya, sa-lain daripada mengharapakan sa-mata² bantuan wang daripada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, Malaysia memang negara yang chukup kaya raya dengan bahan² makanan. Apa yang harus kita buat sekarang ia-lah kajian di-atas jenis² bahan² itu. Kalau Australia dapat membuat beras tiruan daripada gandum, tidak-kah kemungkinan bagi kita mengadakan ramuan² champoran bahawa ubi kayu itu menjadi beras tiruan yang kedua? Dan boleh jadi tiruan yang kedua sa-lain daripada itu banyak bahan² yang boleh kita masukkan kadalam tin, umpama-nya, ada sa-jenis buah saperti buah anggor tetapi masam, yang mana termashhor di-namakan didalam negeri Perlis ia-itu buah lakom, dan buah ini kalau kita ada pusat yang sa-macham ini maka dapat-lah kita menyelidek mungkin buah ini dapat kita masukkan dalam tin dan menjadi satu bahan makanan untok ra'ayat kita.

Tuan Pengerusi, beraleh saya kepada S. 12, muka 99, Bahagian Perikanan. Saya suka menarek perhatian Menteri Pertanian dan Kerjasama berhubung dengan masaalah kemerosotan nelayan² di-Kuala Perlis. Saya sangat-lah berdukachita, Tuan Pengerusi, walau pun di-lain tempat Kementerian ini telah mengambil inisiativ untuk memberi kemajuan nelayan, tetapi di-Kuala Perlis dalam kawasan saya sendiri sudah dua kali pilehanraya, tetapi pehak Kementerian mahu pun pehak Kerajaan Negeri usaha untuk meningkatkan taraf hidup nelayan negeri itu belum ada apa² ranchangan. Nelayan² di-Kuala Perlis telah pun menubuhkan sa-buah sharikat kerjasama yang sekarang sedang mempunyai ahli-nya sabanyak 300 orang. Mereka telah membuat permohonan pinjaman bagi menjalankan perusahaan tetapi sekarang ini sunyi sepi sahaja. Baru² ini Menteri Yang Berhormat telah memberi peruntukan sa-banyak \$15,000 kepada nelayan Kuala Perlis untuk membuat pelantar ikan, tetapi itu tidak-lah menjadi ukuran bahawa taraf hidup nelayan Kuala Perlis itu telah meningkat tinggi. Apa yang saya berharap Tuan Pengerusi, semoga Menteri Yang Berhormat membuat penyiasatan dan mengajak Kerajaan Negeri melaksanakan dasar² Kementerian Pertanian dan Kerjasama, khas-nya dalam masaalah penangkapan ikan sa-chara moden saperti pukat tunda dan lain² lagi. Jadi, oleh itu Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh dan banyak-lah berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberi pandangan yang berat kepada kawasan saya khas-nya di-Kuala Perlis.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyampaikan ucapan terima kaseh kepada Menteri Kerjasama ini, kerana ia dapat melebehhkan pegawai² di-dalam semua seksi² yang ada di-dalam Kementerian ini, kerana ucapan terima kaseh saya itu kepada-nya, kerana ia dapat memujuk Menteri Kewangan supaya dapat melebehhkan peruntukan pada Kementerian-nya bagi mengadakan pegawai² yang tersebut tadi begitu juga bagi mem-

bolehkan ia menjalankan ranchangan² pertanian yang di-sifatkan sa-bagai tulang belakang negara kita ini.

Saya suka hendak menyentoh di-dalam soal sharikat kerjasama. Kita dapati, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, merata² tempat di-negara kita ini ada di-dapati sharikat² kerjasama dan sharikat² ini ada yang maju, ada yang sa-tengah maju, ada juga yang hidup segan mati ta' mahu. Apa-kah sebab-nya? Saya berfikir ia-itu di-dalam Undang² Sharikat Kerjasama², umpama-nya hanya ahli² terdiri daripada orang² Melayu sahaja. Bagitu juga sakira-nya sharikat hendak membuat kilang padi umpama-nya, maka ahli² ada-lah terdiri daripada orang² yang membuat bendang, atau pun buat sawah.

Saya beri satu chontoh, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sharikat nelayan. Saya ada mempunyai satu sharikat di-kawasan saya yang telah di-daftarkan di-bawah sharikat nelayan, tetapi memang-lah, Tuan Pengerusi tentu tahu sendiri, kehidupan dan pendapatan sara hidup nelayan² ini sangat-lah kecil. Jadi, tidak-lah mereka ini dapat menyempurnakan yuran² sabagai ahli² sharikat nelayan ini bagi memajukan dan melanjutkan pekerjaan² nelayan. Akhir-nya, beberapa tahun sharikat ini berjalan, maka tidak ada satu pun perkara yang dapat hendak di-majukan. Ini pada pendapat saya ia-lah hasil daripada kita hanya menumpukan ahli² kepada nelayan² yang tidak ada duit, tidak ada wang sama sa-kali. Tidak-kah patut sa-kira-nya Kementerian ini dapat memikirkan bagaimanakah kita dapat memajukan sharikat nelayan tersebut dengan membenarkan ahli² yang bukan daripada nelayan, umpama-nya kata-lah saya sa-bagai sa-orang M.P. ini dapat juga menjadi sa-orang ahli nelayan umpama-nya maka dapat-lah saya memberi pertolongan untuk menjelaskan yuran² saya? Bagitu juga kita dapati berapa banyak guru² sekolah yang tinggal di-merata² kampong sakira-nya kalau di-benarkan kakitangan² Kerajaan ini juga supaya masuk jadi ahli badan² sharikat ini, mereka dapat membantu dan menolong ahli² sharikat

nelayan ini dan sharikat² ini dapat maju. Ini satu chara sa-kira-nya kalau-lah Menteri ini dapat menerima fikiran saya yang sa-macam itu.

Berhubung dengan ini, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Kementerian ini khas-nya kepada sharikat kerjasama yang telah dapat melebuhkan peruntukan dividend atau pun keuntongan kepada ahli² sa-banyak 10%. Ini memang-lah sangat menggalakkan dan saya harap biarlah kedudukan yang sa-macam ini dapat di-teruskan.

Dalam muka 95 berkenaan dengan Urusan Mengembangkan Ternakan. Juga saya suka-lah mengucapkan terima kasih kerana pegawai² telah bertambah, hanya satu sahaja yang saya suka menyatakan di-sini, ia-itu berkenaan dengan sekarang banyak orang² di-kampung hari ini sedang mendapat galakan ternakan ayam sa-chara besar²an. Jadi, penternakan ayam ini tidak-lah begitu susah pada pendapat kita, tetapi hanya hari ini di-dapati harga ayam yang di-jual di-pasar hari ini sudah berkurangan dan harga makanan untuk binatang² ini sudah naik harga-nya.

Saya suka memberi satu chontoh. Ada sa-orang penduduk di-kawasan saya ini telah pun menternak ayam lebih kurang 3,000 ekor, tetapi sa-lepas lima bulan apakala dia kira sa-telah di-jual ayam-nya dan di-kira hasil pendapatan jualan itu tidak menchukupi daripada modal yang dia keluar-kan itu. Jadi, saya minta-lah sa-kira-nya kejadian kekurangan harga ayam ini, pada pendapat saya, ada-lah disebabkan kemasokan ayam² daripada luar negeri. Sa-kira-nya kalau-lah Kementerian ini dapat menchari ikhtiar dan jalan supaya kemasokan ayam itu di-susahkan sedikit—saya ta' kata ta' boleh masuk langsung, tetapi kalau di-susahkan sedikit, atau di-kenakan chukai dan sa-bagai-nya, harus-lah harga ayam² yang ada di-dalam belaan kita ini dapat tinggi sedikit dan dapat-lah tuan² ayam yang membela ayam itu hidup dengan ternakan ayam.

Saya tidak tahu ada-kah di-dalam jajaan Yang Berhormat Menteri ini,

ia-itu berkenaan dengan bela burung. Satu perusahaan bela burung merbok atau pun burung tekukur sudah menjadi² di-satengah tempat dan telah menjadi satu perusahaan yang kecil supaya mendapat sara hidup di-antara penduduk² ini. Saya suka-lah sa-kira-nya galakan dapat di-teruskan oleh Kementerian ini. Sa-kira-nya ini dapat di-galakkan, maka sudah tentu-lah burung² tekukur atau pun burung² merbok ini dapat mendapat pasaran yang baik, kerana kita dapati suara² burung tekukur dan burung merbok ini ada kala-nya lebih merdu suara-nya daripada lain² perkara. Kalau ini dapat di-tolong, atau pun dapat di-beri ikhtiar oleh Kementerian ini, saya rasa ini satu lagi dapat menchukupkan atau pun dapat menolong orang² di-kampung bagi mengatasi soal sara hidup.

Saperti mana, Tuan Pengerusi tahu, satu usaha menanam pala ada-lah mendapat galakan yang baik hari ini. Hasil daripada pemberian oleh Kerajaan daripada \$5 sa-pokok sekarang telah naik \$10 pada sa-pokok dan saya rasa hari ini di-Pulau Pinang sahaja sudah melebehi beratus² ekar tanah yang di-tanam dengan pokok² pala, tetapi satu perkara yang kita berasa mushkil hari ini terhadap buah² pala yang telah pun di-masokkan gula, ia-itu di-jadikan halua dan sa-bagai-nya. Apakala hendak di-bawa keluar daripada Pulau Pinang di-kenakan chukai. Ini-lah yang merunsingkan penanam² pala hari ini, kerana mereka tidak boleh dapat harga yang baik dan saya tahu baik² pala ini sudah mendapat pasaran yang baik di-kalangan tanah besar. Begitu juga hari ini kita dapat tahu seperti yang telah di-ishtiharkan oleh Menteri Kewangan bahawa di-Pulau Pinang juga hari ini harga gula ada-lah sama dengan harga gula di-tanah besar. Maka oleh yang demikian ada-lah menjadi kewajipan saya meminta supaya Menteri ini dapat berhubung dengan Menteri Kewangan supaya dapat melepaskan chukai buah pala gula ini atau pun halua pala ini daripada di-kenakan, di-kechualikan chukai supaya dapat-lah banyak lagi pala yang di-usahakan di-Pulau Pinang

itu boleh di-hantar ka-luar dengan harga yang sesuai.

Tuan Pengerusi, baru² ini saya telah baca dalam akhbar yang mengatakan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama telah berkata bahawa Malaysia akan menchukupi beras di-dalam tahun 1970. Ini berma'ana-lah bahawa beras tidak lagi akan kita import daripada luar² negeri. Ini ada-lah satu ucapan yang baik yang kita menerima tinggi dan kita junjong tinggi, nuga² negeri kita ini tidak-lah lagi bergantung beras-nya kepada negara² lain.

Satu perkara yang saya suka kemukakan di-sini kepada Yang Berhormat Menteri sa-kira-nya pada tahun 1970 ini kita akan menchukupi beras² dengan tidak kita mengimport lagi beras, boleh-kah Yang Berhormat Menteri ini meyakinkan Dewan ini bahawa harga padi yang ada pada hari ini tidak akan di-turunkan. Itu satu soal yang saya patut kemukakan dan sa-kira-nya kalau Pengerusi atau pun Menteri ini dapat menjawab, sangat-lah baik, kerana kita dapati hari ini harga padi yang di-bawa masuk ka-dalam negeri kita ini ada-lah lebeh rendah daripada harga padi tempatan.

Berkenaan dengan Fisheries atau pun Perikanan, muka surat 99, ini sudah menjadi satu kegelutan atau pun satu kesusahan dan kebimbangan kepada nelayan² kechil berhubung dengan pukut tunda. Kalau kita sama² membaca akhbar baharu² ini ia-itu nelayan² kechil di-Kuala Selangor sedang gelisah hasil daripada di-ancham oleh pukut² tunda atau pun pukut harimau, sa-hingga terpaksa-lah Jawatan-kuasa itu mengambil tindakan dan harus perkara ini, kalau tindakan daripada Kementerian ini tidak di-ambil, mereka akan berpiket di-pejabat Kementerian. Ini-lah suara² yang di-datangkan oleh nelayan² di-Kuala Selangor. Begitu-lah juga perasaan saya di-sini sa-bagai sa-orang Ahli yang mempunyai tanggung-jawab berkenaan dengan nelayan² kechil ini supaya mudahan² Undang² yang telah di-kuat kuasakan yang telah kita ber-setuju baharu² ini, dapat di-kuat

kuasakan oleh Kementerian ini, supaya tidak-lah lagi berlaku keadaan² yang tidak di-ingini in.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, muka surat 85 berkenaan Pelajaran Pertanian. Sa-bagaimana yang kita semua sudah ma'alum ia-itu kebanyakan kampong² kechil di-luar bandar hari ini ada-lah terbiar sahaja dengan serba anika tumbohan² yang tumbuh di-tanah² itu dan tumbohan² itu juga terbiar begitu sahaja dan pada pendapat saya ini tidak-lah memberi untong kepada tuan² punya tanah ini. Pejabat ini ia-itu Pejabat bahagian Pelajaran Pertanian ini, saya rasa, boleh-lah memberi pertolongan dengan memberi sharahan² kepada tuan² punya tanah kechil ini supaya mereka dapat mengubahkan chara tanaman yang ada sekarang ini yang di-tanam oleh ibu bapa mereka itu sendiri, umpama-nya, rambutan masam—rambutan masam ini hidup-lah dia hingga berpuluh² tahun dan pokok rambai, umpama-nya, tumbuh-lah dia dengan tidak di-jaga berpuluh² tahun untuk hendak menanti faedah. Ini semua tentu-lah tidak mendapat hasil dan mendapat faedah yang baik. Sa-kira-nya pejabat ini dapat menolong bukan sahaja hendak menolong memberi nasehat tetapi menolong bagaimana hendak di-jalankan prektik hendak bagi tuan² tanah itu tahu bagaimana hendak jalankan, tetapi sa-chara nasehat sahaja, saya ingat sudah berapa puluh tahun telah di-beri tahu tetapi tidak mendapat kemajuan, melainkan tanah itu begitu juga-lah. Tetapi kalau hari ini ada usaha daripada pejabat ini—Pejabat Pelajaran Pertanian ini—dapat menolong dan memberi atau membuat apa² nasehat supaya dapat di-lihat oleh tuan² punya tanah kechil ini, saya rasa ini akan dapat lebeh berfaedah dan apakala mereka ini dapat tahu perkara ini tentu-lah hasil pendapatan daripada tanah yang kechil ini tentu dapat berlebehan. Saya harap tentu-lah pejabat ini atau Pejabat Pelajaran Pertanian ini dapat memikirkan bagaimana, umpama-nya, dapat menolong orang² ini daripada di-biarkan keadaan tanah² itu tumbuh serba anika pokok². Saya fikir itu-lah sahaja,

Tuan Pengerusi, dan lagi sa-kali saya menyokong Supply Bill ini untuk Kementerian Pertanian.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 5.30 p.m.

Sitting resumed at 5.46 p.m.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1967

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair)

Head S. 12—

Debate resumed.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mengingatkan kapada Ahli², ia-itu perbahathan dalam Kementerian ini saya akan tutup pada pukul 6.30 hari ini, dan pada pagi besok Yang Berhormat Menteri akan menjawab segala²-nya. Daripada masa yang sedikit ini, di-minta-lah Ahli² yang dapat peluang berchakap ini berchakap-lah sa-berapa rengkas supaya dapat ramai berchakap pada petang ini.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head S. 12—Ministry of Agriculture and Co-operatives, page 107, Agricultural Education, sub-heads 38 and 39. Sir, my colleague from Sarawak, in his speech to this House during the debate of the Budget, pointed out the problems confronting primary school leavers, and as Sarawak is necessarily an agricultural country, I endorse the suggestion that a proper institution biased towards agricultural training be established to accommodate these young primary school leavers until such time as they are matured enough to go out into the field. Sir, I suggest, therefore, that the Honourable Minister concerned should consider this plight for the training of our youth to be skilled citizens.

Now, Sir, I would, again, refer to page 109, sub-head 80—training and

Scholarship. Sir, I notice the allocated provision for Sarawak in 1967 is less than in 1966. In fact, Sir, more provision should be allocated for this item. I suggest that the Central Government should consider awarding more scholarships for training in fisheries school, veterinary training and animal husbandry education, so that, after they come back from training, they can work for themselves in order to earn their living. Finally, I hope that the Minister concerned will allocate more provision for this item. Thank you.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim-Bandar Baharu): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin hendak berchakap, muka 106, Pechahan-kepala 33, Kawalan Musoh² dan Penyakit Tumbuh²an. Tuan Pengerusi, saya dengan sa-penoh-nya menyokong peruntokan bagi Kementerian Pertanian dan saya dengan gembira-nya menguchapkan satinggi² ribuan terima kaseh kapada Kementerian Pertanian dan Kerajaan oleh kerana mengadakan peruntokan mengawal penyakit² pokok. Kita tahu bahawa di-mana negeri juga terdapat penyakit pokok², khas-nya penyakit pokok padi, yang menjadi punca makanan bagi negara kita di-Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, bagi kawasan saya, Kulim dan Bandar Baharu, tanah bendang di-kawasan Bandar Baharu sahaja luas-nya dekat 3,000 relong atau dua ribu lebih ekar. Di-kawasan ini yang selalu mendapat benchana, sa-tiap musim padi ia-itu masa pokok² padi itu sedang membesar tatkala itu dengan tidak semena² pokok padi itu di-serang oleh penyakit merah. Penyakit padi merah itu berlaku sejak dari tahun 1952 hingga sekarang. Boleh di-katakan tiap² tahun penyakit yang tersebut menyerang pokok padi itu hingga sa-luas-nya dekat 750 ekar.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pakar² dari Kuala Lumpur pernah datang tiap² tahun, sa-masa di-beritahu kapada mereka, tetapi malang-nya perkara² yang tersebut belum lagi dapat di-ambil langkah oleh pihak yang berkenaan. Malah sa-telah mereka kembali maka sakalian itu telah menjadi senyap sepi bagitu sahaja.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara yang tersebut, saya dengan tegas-nya menyatakan bahawa pehak Kementerian hendaklah mengambil perhatian berat atas perkara² yang sedang berlaku di-kawasan yang tersebut supaya dapat di-chegah dan di-kawal daripada merebak dan berlaku sa-panjang masa di-kawasan yang tersebut hingga berpanjangan. Oleh kerana di-kawasan yang tersebut sekarang telah dapat berbuat bendang dengan menanam padi dua kali sa-tahun.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka-lah memberikan sedikit perhatian kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam menyokong Rang Undang² berkenaan dengan perbelanjaan ini. Tuan Pengerusi, kalau di-tengok kedudukan yang di-bawah Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada lima Jabatan yang sangat mustahak dan perlu bagi negeri kita ini. Rengkas-nya Jabatan Kerjasama, Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliayer, Jabatan Perikanan dan Jabatan Haiwan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya maksudkan kalau-lah wang yang \$22 juta ini di-bagi kepada lima Jabatan ini chuma \$4 juta sahaja tiap² satu jabatan dapat peruntukan bagi kemajuan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Lebeh² lagi selalu telah di-uchapkan negeri kita ini ada-lah negeri pertanian. Tetapi malang sungguh estimate yang di-berikan oleh Menteri Pertanian ini, pada pendapat saya, sangat-lah kecil dan tidak kena pada tempat-nya. Saya berharap Menteri Kewangan akan memberikan satu peruntukan yang besar kepada Menteri Sharikat Kerjasama dan Pertanian ini supaya benar² dapat menolong ra'ayat di-luar bandar yang menjadi petani² dan nelayan².

Tuan Pengerusi, satu tamparan yang hebat kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, saya hendak tahu dan mendapat jawapan, satu berita telah di-siarkan di-dalam surat khabar mengatakan petani Melayu berjaya menternak babi. Apa patut di-jawab oleh Menteri berhubung dengan hal

ini? Kerana, ini memalukan orang² Melayu kerana rasa saya ada-lah satu perbuatan yang sungguh menchemarkan nama bangsa Melayu yang mengatikan orang Melayu ada membela babi. Patut Menteri Pertanian mengambil sikap yang tegas, membuat bantahan kepada Kerajaan Amerika Sharikat.

Tuan Pengerusi, oleh sebab Kementerian ini ia-itu Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini, Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini pada pandangan seluroh ra'ayat dalam negeri ini, adalah satu jabatan yang mustahak, satu Kementerian yang mustahak, saya suka-lah memberikan pandangan saya berhubung dengan Kementerian ini, berlawanan dengan pandangan yang diberi oleh wakil Perlis Selatan.

Saya menchadangkan sudah sampai masa-nya Jabatan Pertanian ini mempunyai sa-orang Menteri. Kerana dalam negeri kita ini $\frac{3}{4}$ keadaan negeri kita ini ia-lah pertanian. Jadi, kalau-lah ada sa-orang Menteri mengelolakan hal pertanian, sudah kena-lah pada tempat-nya. Baru-lah saya rasa pertanian dalam negeri ini, petani² dan peladang² dalam negeri ini yang akan menjadi tonggak ekonomi negeri ini mendapat belaan yang sa-benar². Tidak-lah saperti yang ada hari ini kalau di-kira yang \$22 juta yang di-tuliskan ini tidak berapa sen pun dapat di-berikan kepada nelayan² atau pun petani² dengan melalui apa segi sa-kali pun. Kebanyakan di-churahkan kepada gaji, penyelidek dan lain² lagi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh kepada S.12, Chawangan Penerbitan muka, Butiran (47), Penterjemah Bahasa Melayu. Tahun 1966, istimate-nya \$3,888 tetapi tahun 1967 \$1,920 sahaja. Sa-orang sahaja yang bekerja menjadi Penterjemah Bahasa Melayu ini. Pada hal, kalau di-tengokkan keadaan buku² sharikat kerjasama yang di-datangkan daripada luar negeri dalam bahasa lain, bahasa Inggeris sangat-lah banyak. Tetapi untuk di-terjemah ka-dalam bahasa Melayu sangat-lah kurang. Ini saya menchadangkan Penterjemah Bahasa Melayu di-Kementerian ini patut di-banyakkan

dan bukan sahaja di-kurangkan gaji-nya, tetapi dapat-lah di-jalankan bersama² dengan pegawai² yang lain.

Sa-lain daripada itu, S.12, Penempatan Sa-mula Mata² Khas, muka 83. Saya berpendapat, penempatan sa-mula mata² khas ini patut-lah kita alehkan di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, kerana kalau di-tengokkan perbelanjaan yang di-berikan peruntukan \$188,490, saya tak tahu-lah apa hasil-nya kedudukan penempatan sa-mula mata² khas ini. Patut-lah perkara ini di-pulangkan atau pun di-beri di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, supaya dapat Menteri yang berkenaan mengelok dan membaiki perjalanan penempatan sa-mula mata² khas ini, seperti ranchangan tanah F.L.D.A. atau lain².

Sa-lain daripada itu S.12, muka 84, Bahagian Pertanian, Butiran (92), Elaun Belanja Hidup. Kalau di-tengok tahun 1966, chuma \$29,000 tetapi tahun 1967 ada \$500,000 peruntukan. Pada saya sangat-lah besar perbelanjaan ini. Saya berfikir patut-lah elaun sa-macam ini kita kurangkan memandangkan di-daerah saya di-Jasin, umpama-nya, sangat-lah terhina pehak Pegawai² Pertanian, Pegawai² Kerjasama, Pegawai² D.I.D. chuma menumpang di-bilek² kecil di-Jabatan Daerah. Pada hal Kementerian Kerjasama sanggup membangunkan Pejabat Haiwan yang begitu besar, yang begitu luas kawasan, pada hal tidak begitu mustahak di-gunakan oleh orang² kampung.

Pejabat yang saya sebutkan, pegawai yang saya sebut ini, Pegawai Pertanian, umpama-nya, Pegawai Kerjasama, umpama-nya. Ini sa-tiap masa di-datangi oleh orang² kampung meminta nasehat dan berbagai² lagi. Saya sendiri telah pergi ka-Pejabat Pertanian dan Kerjasama di-Jasin di-tumpangkan dalam satu bilek yang kecil. Di-situ-lah di-letakkan kerusi tempat pegawai itu dudok. Manalah hendak tahan hidong pegawai itu. Orang yang datang hendak meminta pertolongan pun tak tahan kadang² tutup hidong. Tak perchaya, datang siasat ka-Jasin.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu S.12 muka 89, Ranchangan Memuleh Menanam Sa-mula Kelapa. Saya tidak hendak berchakap panjang di-sini, saya berharap Menteri Pertanian dapat mengalehkan perchubahan-nya di-kawasan saya, di-Merlimau. Sa-batu dan Sungai Rambai, kerana di-sana beribu² ekar kebun kelapa yang sudah tua, patut mendapat perhatian daripada Menteri Kerjasama.

S.12, muka 91, Ranchanganusaha Pembangunan Luar Bandar. Parit² taliayer telah di-buat di-luar bandar kerana menyelamatkan kebun dan sawah padi. Untuk menyelamatkan usaha² ini, Jabatan ini mengkaji kerana ada-nya parit² taliayer di-buat, boleh mendatangkan hasil kebun, atau pun sawah padi. Umpama-nya ada taliayer di-Merlimau sekim; kebun telah selamat dan akan mendatangkan hasil kelapa yang banyak. Tetapi apa telah terjadi ada kawasan sawah padi di-Merlimau sana di-namakan sawah Merlimau tengah padang. Tak kurang ada 87 ekar sudah terkering oleh sebab ranchangan taliayer ini. Kita tahu, orang kampung, dia tidak berani hendak melanggar perintah Kerajaan. Jadi, sawah itu tidak dapat di-buat, tinggal sahaja, chukai di-bayar tiap² tahun. Jadi, saya menhadangkan Yang Berhormat Menteri, bagi pehak Kementerian Pertanian dan Kerjasama hendak-lah mengkaji kedudukan sawah² di-dalam negeri kita ini, ia-itu sawah yang sa-ratus ekar ka-bawah hendak-lah di-batalkan daripada menanam padi. Mari-lah kita sama² berjalan di-seluruh tanah ayer, terutama sa-kali di-selatan tanah ayer kita. Ada sawah yang sa-kelompok sa-puluh ekar, ada dua puluh ekar. Maka tuan² tanah ini bekerja menghilangkan masa yang banyak, hasil-nya tidak dapat. Jadi ada lebeh baik sawah² padi yang sa-rupa ini di-tukarkan geran-nya jadi geran getah atau pun geran kelapa, supaya ra'ayat dapat mendatangkan hasil pada masa depan.

Sekarang saya masok dalam bahagian Kemajuan Kerjasama. Tuan Pengerusi, saya sunggoh-lah berasa sedikit dukachita kalau-lah ada rakan² mengatakan sharikat kerjasama dalam negeri ini tidak menunjukkan kemajuan; kerana sa-tahu saya sharikat kerjasama

dalam negeri ini, yang sa-banyak 3,000 buah itu telah pun kita sedia ma'alum, tetapi ada sharikat² kerjasama yang mengharumkan negeri ini. Umpamanya, Sharikat² Perumahan, Sharikat Kerjasama Polis, Sharikat Insuran dan banyak lagi sharikat² kerjasama yang mengharumkan nama sharikat kerjasama.

Jadi, kalau ada-lah mereka mengatakan sharikat kerjasama ini sa-rupa dengan masa penjajahan, ini tidak-lah kena, rasa saya, kata² itu. Tetapi berhubung dengan perjalanan sharikat kerjasama ini sa-benar-nya saya tahu Menteri Kerjasama telah pun memper-setujukan sa-buah tambahan peratoran hendak di-luluskan, ia-itu sharikat² serba guna kerja sama². Ini akan di-jalankan apabila di-luluskan tambahan peratoran ini. Rasa saya sharikat kerjasama dalam negeri kita pada masa depan akan dapat lebeh baik lagi dan menyampaikan hajat² kita, terutama sa-kali penduduk di-luar bandar, kerana yang sudah² kalau sharikat pinjaman dia kena-lah jalan sharikat pinjaman tidak boleh hendak buat sharikat kedai. Tetapi kalau sharikat serba guna ini telah di-daftarkan nanti tiga sharikat berjalan sa-rentak, umpama-nya. Boleh di-jalankan di-bawah satu pendaftaran sharikat itu. Jadi, ini juga di-harapkan supaya pehak kementerian dapat menjalankan dengan tegas. Saya, kalau hendak mengulangi berhubung dengan bahagian kerjasama, sangat panjang. Oleh sebab saya hendak memberi peluang kepada rakan² saya, saya nampak dalam bahagian kerjasama ini yang menyedehkan hati saya, apa yang telah berlaku baharu² ini, umpama-nya, saya tidak tahu-lah sama ada ia atau betul, tetapi mengikut dalam surat khabar, bahagian FAMA telah mengadakan perjumpaan di-Tanjong Karang bersama² dengan Sharikat Kerjasama dan Menteri Perdagangan dan Perniagaan, dan dalam perjumpaan itu sa-hingga Menteri Perdagangan ini meninggalkan Majlis ini. Jadi, apa yang saya bimbangkan menunjokkan sharikat² kerjasama ini akan dapat mara dalam negeri ini dan dapat memberikan tempat yang lebeh tinggi dalam negeri ini pada masa depan untuk mengalahkan orang² tengah yang ada dalam negeri ini. Jadi,

saya sungguh dukachita hal ini kerana FAMA yang di-jalankan, yang di-tubuhkan di-Kementerian Kerjasama hari ini rasa saya belum lagi membuat apa², sebab sentiasa di-sekat, sentiasa di-tekan, tak boleh buat apa². Ini saya menhadangkan, umpama-nya dahulu saya telah berkata mengapa hasil padi yang di-keluarkan di-tanah ayer kita ini di-kelolakan oleh Kementerian Kerjasama tetapi lesen bagi membenarkan mengilang padi atau lain² di-keluarkan oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan? Mengapa tidak di-serahkan kepada Kementerian Kerjasama? Jadi, perbalahan yang sa-rupa ini saya tidak mahu ada sa-bahagian orang, ada sa-bahagian daripada perjalanan Sharikat Kerjasama dengan terang² di-tekan dengan sa-chara tak langsung, habis kita katakan Sharikat Kerjasama ini tak maju, mundur atau pun lain² tetapi tekanan dengan sa-chara tak langsung ini patut mendapat perhatian Majlis ini.

Tuan Pengerusi, S. 21, muka 115, Bahagian Perikanan. Saya berharap bagi pehak Menteri dapat mengambil perhatian sedikit berhubung dengan nelayan Kuala Linggi, sebab rakan saya Melaka Utara tak ada harus dia tak dapat peluang hendak berchakap kerana masa telah lebeh. Jadi, ini menjadi satu chontoh nelayan² di-Kuala Linggi ini dapat di-baiki pada masa depan, kalau dahulu ia-lah kerana konfrontasi. Jadi, saya berharap Menteri yang berkenaan tidak teragak² memberi pertolongan kepada nelayan Kuala Linggi.

Tuan Mohd. Idris bin Matsil (Jelebu-Jempul): Tuan Pengerusi, di-dalam perbahathan ini kerana masa tidak mengizinkan, saya mengambil peluang menyentoh dua tiga perkara sahaja oleh sebab sahabat² saya Ahli² Yang Berhormat yang lain di-dalam Dewan ini telah menyentoh perkara² yang lain yang barangkali tidak menyentoh perkara² yang akan saya sebutkan.

Sa-telah mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama pagi tadi, maka kesimpulan-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah bagaimana projek² atau pun chita²

Menteri yang berkenaan hendak meluaskan lagi kemajuan² dan perkembangan² terutama sa-kali dalam masa-alah Pertanian dan Sharikat² Kerjasama. Tetapi, manakala kita semak dalam muka 86, 88 dan 97 ia-itu dalam Bahagian Pertanian dan Sharikat Kerjasama maka kita dapati pegawai² sama ada pegawai rendah atau sa-bagai-nya, yang bekerja di-luar atau pun *Field Officers* daripada sa-tahun ka-satahun tidak bertambah langsung. Jadi saya perchaya Yang Berhormat Menteri sedar dalam masaalah ini dan sedar juga bahawa ada sa-sabuah negeri itu sa-saorang pegawai itu terpaksa bertugas kadang² dua daerah di-tugaskan kepada sa-orang pegawai. Tetapi kalau-lah demikian tujuan Yang Berhormat Menteri hendak meluaskan lagi projek² pertanian bagaimana yang di-sebutkan dalam ucapan-nya pagi tadi juga di-dalam masaalah pergerakan Sharikat² Kerjasama, maka saya tidak-lah begitu faham pada perengkat Ibu Pejabat dan pada perengkat Negeri, pegawai² dapat di-susun dan dapat di-adakan tetapi pegawai² di-perengkat luar terutama sa-kali perengkat Daerah, perkara ini tidak dapat di-atasi, dan saya merayu-lah kepada Yang Berhormat Menteri supaya masaalah ini daripada satu masa ka-satu masa di-kaji dan kalau sa-kiranya chadangan² yang telah di-ucapkan tadi hendak di-laksanakan maka pegawai² ini amat-lah mustahak di-tiap² Negeri itu.

Kedua, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia-itu di-muka 100, kita dapati Bahagian Penyelidek. Perkara ini adalah satu perkara yang sekarang di-dapati di-perengkat Negeri, di-perengkat Daerah, di-masa negara kita ini mendapat sambutan yang baik daripada ra'ayat kita seluruh-nya terutama sa-kali mereka yang hendak mengambil bahagian memelihara ikan² darat ia-itu membuat kolam² dan sa-bagai-nya. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya menegaskan kepada Pegawai Penyelidek ini ia-itu sa-belum meluluskan atau menyambut satu rancangan untuk hendak membuat sa-sabuah kolam perikanan ini supaya di-siasat betul² supaya jangan-lah anak² ikan yang beribu² di-lepaskan itu manakala sampai tempoh-nya, kata-lah enam

bulan atau lapan bulan, manakala kolam itu hendak di-keringkan lebeh² dapat 10-15 ekor sahaja ikan ia-itu ikan yang telah hidup daripada beratus dan beribu ekor yang telah di-lepaskan pada awal-nya. Jadi, sa-bagai Pegawai Penyelidek tentu-lah lebeh dahulu sa-belum kolam itu di-buat hendak-lah di-selidek ada-kah di-dalam kolam itu ikan² yang telah sedia, kerana saya dapati satu daripada sebab-nya perkara ini berlaku ia-lah sa-belum anak² ikan itu di-lepaskan banyak ikan haruan di-dalam kolam itu. Jadi, anak ikan yang di-lepaskan itu habis di-makan oleh ikan haruan tadi. Jadi, sa-chara penyelidekan yang tidak tegas di-jalankan itu tentu-lah akan merugikan atau pun ranchangan yang istimewa ini akan tidak dapat satu² kemajuan yang pesat.

Menyambong dalam perkara tugas Pegawai Penyelidek ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya perchaya tentu-lah Pegawai Penyelidek bertugas bukan sahaja terhadap kepada jenis benda hidup di-dalam ayer saperti ikan, tentu juga-lah barangkali udang, penyu dan sa-bagai-nya dan termasuk juga barangkali buaya. Barangkali Ahli² Yang Berhormat boleh berasa geli sedikit manakala saya menyebut buaya atau pun memelihara buaya tetapi benda ini bukan-lah satu benda yang belum pernah kita dengar kerana baru² ini tersiar berita di-Pulau Pinang sa-orang pemelihara buaya telah kehilangan 1,000 ekor buaya-nya. Jadi, saya suka-lah hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ada-kah chara² penyelidekan memelihara buaya di-adakan di-dalam negara kita ini, kerana saya perchaya buaya ini kalau tidak meninggikan taraf hidup sa-saorang yang memelihara-nya sa-kurang²-nya kalau usaha ini di-buat dengan sa-luas²-nya, maka tentu-lah akan mendatangkan satu hasil yang besar dalam negeri ini kerana kulit² buaya itu boleh di-exportkan keluar negeri dan boleh di-buat kasut dan buat beg tangan, dan saya rasa saudara² saya Ahli Yang Berhormat daripada kaum ibu di-sini suka hendak mendapatkan sa-kurang²-nya hadiah daripada Yang Berhormat Menteri sa-buah beg tangan daripada kulit buaya.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam masaalah ini, sa-panjang yang saya ketahui, sa-buah dua buah negeri yang saya lawati di-dalam negara kita ini, bukan-lah luar negeri, barangkali yang Berhormat sahabat saya daripada Raub tahu sa-buah kawasan dalam Daerah Pekan di-Pahang membawa ka-Rompin dan boleh jadi saya silap, kalau tidak silap barangkali kawasan yang Amat Berhormat Tun, Timbalan Perdana Menteri kita, ada-lah sa-buah kawasan yang saya ketahui telah diasasat kawasan yang sangat baik untuk memelihara buaya. Dan saya harap-lah Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian kerana ini ada-lah satu hasil yang akan menguntungkan dan barangkali akan menyejokkan hati Yang Berhormat Menteri Kewangan kita.

Tuan Chin Foon (Ulu Kinta): Mr Chairman, Sir, I am thankful to you for giving me a chance to take part in the debate concerning Head S. 12, Ministry of Agriculture and Co-operatives.

Mr Chairman, Sir, now I wish to touch on Sub-head 109, Agricultural Officers under Agricultural Education on page 85.

Sir, I am particularly thankful to this Ministry for its work in my constituency of Ulu Kinta. These Agricultural Officers have given every assistance to all the padi planters in Ulu Kuang. Recently, the padi planters were faced with the problem of germs attacking their padi plants and the Ministry sent the Assistant Agricultural Officers to the spot to remedy this problem of plants being destroyed by the germs and thus these farmers were not being deprived of their income. As you know, Mr Chairman, Sir, all the farmers in the area of Ulu Kuang are mostly *bumiputras*, and their livelihood depends on mainly padi planting, as besides padi planting, they have old rubber trees which they are not in a position to replant.

Sir, now I wish to touch on local fruits, which also come under the same Head. In my constituency in the Tambun and Ampang areas, we have the famous industry of pomelo plant-

ing. This industry attracts tourists coming all over the country, and whenever tourists come over to any State in Malaysia, they are very keen to come to my area to purchase some of our local fruits, such as pomelos.

Sir, local fruits can also serve as a device of saving foreign exchange. So, if we encourage most of our people to consume more of these pomelos, then we do not have to purchase so much of those foreign fruits such as apples, oranges, grapes and so forth. Here is a clear case where our Government can save foreign exchange, which is also of great concern to us. These farmers of pomelos in Tambun and Ampang have formed a farmers' association, and our Agriculture Office in Perak has given a lot of assistance to these people and has advised them on how to budgraft all these new trees and how to destroy the germs and thus prevent the trees bearing fruits from being attacked by germs. Sir, I would like to inform this House that the pomelo tree is an evergreen tree, which bears fruits all the year round, and every year we have an output on millions of fruits—and here I would add that with the approach of the Chinese New Year the people are very keen to buy these fruits to give as presents to their friends and all over the States.

Mr Chairman, Sir, I now come to page 90, Drainage and Irrigation Division and would like to touch on Senior Drainage and Irrigation Engineers—item 191. Mr Chairman, Sir, I am very thankful particularly to the Senior Drainage and Irrigation Engineer in Perak State. He has given me particulars concerning some of the rivers in Ulu Piah. There is a river by the name of Sungai Ulu Piah and instead of it running into Sungai Raya, there is a mining project on the spot, and a miner has illegally deviated Sungai Ulu Piah to flow into Sungai Pinji, and this has caused a lot of inconvenience and flooding of all the areas, where our farmers are cultivating pomelos. I have personally gone to see him and have directed him to come with me to the spot, and he has

observed that that is an illegal deviation, and he has already informed the S.I.M. that they should have deviated the Sungai Ulu Piah back into Sungai Raya, but I think steps have not been taken. As this is quite a serious matter, I would like to draw the attention of the Minister to it. Probably, he might be able to inform our Minister of Lands and Mines. Sir, I would not like to elaborate anymore, as other speakers are keen to talk. Thank you.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh terutama sa-kali muka 105 peruntokan kepada FAMA. Saya menyokong peruntokan ini dan saya rasa peruntokan yang lebeh besar pun, kalau perlu, patut diberikan kepada FAMA ini. Kerana, FAMA ada-lah tempat pergantungan orang luar bandar untuk memajukan segala hasil pertanian mereka. Dan sa-panjang ini, Tuan Pengerusi, banyak sungutan kedengaran bahawa FAMA berjalan terlalu lambat. Menurut penerangan yang di-dapati daripada Menteri Pertanian, sekarang ini FAMA baru hendak menjalankan empat rancangan pemasaran padi termasuk di-Tanjong Karang—baru hendak menjalankan—pada hal telah dua tahun FAMA ini berdiri. Saya rasa ini ada-lah sangat menghampakan hati banyak gulungan ra'ayat negeri ini terutama di-luar bandar. Sa-patut-nya FAMA berjalan lebeh ranchak dan lebeh lancar mengatasi segala kesulitan² yang ada dan saya perchaya Dewan ini akan sedia berdiri di-belakang FAMA untuk menghapuskan atau untuk meruntuhkan atau untuk menghanchorkan segala rintangan yang ada di-hadapan FAMA ini, baik daripada segi pehak mana atau pun daripada Kementerian lain yang berkenaan.

Jangan-lah di-katakan bahawa FAMA ini hanya besar pada nama-nya sahaja. Kalau saya mengambil chontoh wakil daripada Kuala Pilah tadi jangan nama sahaja sa-bagai buaya, tetapi hasil-nya di-dapati sa-bagai anak haruan sahaja.

Ini-lah yang tidak di-kehendaki, kerana ini keseluruhan pergantungan

penduduk² luar bandar dan ekonomi luar bandar tergantung kapada pemasaran akan hasil pekerjaan yang di-hasilkan oleh orang² luar bandar dan ranchangan² luar bandar di-jalankan. Jadi, saya rasa barangkali pehak Menteri yang berkenaan sendiri pun kurang puas hati dengan perjalanan FAMA ini, dan saya rasa kita tidak boleh hendak menganggap yang FAMA ini harus berjalan macham FLDA, setelah tujuh tahun baru dapat di-toreh getah, baru dapat hasil, baru dapat di-tengok hasil-nya. Terlalu lama untok menunggu lima tahun atau tiga tahun untok menengok hasil daripada pekerjaan FAMA ini. FAMA harus menjalankan satu langkah yang revolusiner, yang chepat, baru-lah dapat memenohi akan keperluan masyarakat kita dan pembangunan masyarakat di-luar bandar kita yang sangat mementingkan pemasaran ini.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh sedikit tentang muka 83, Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Teknologi Makanan. Saya merasa ini usaha yang sangat baik dan saya merasa satu perkara yang sangat perlu dari pehak Jabatan Pertanian ia-lah soal chara bagaimana kita hendak menjadikan hasil tanaman ini di-proses dan di-jadikan barang pengeluaran yang baik, sama ada di-salorkan menerusi Persatuan Peladang atau lain². Tetapi harus-lah di-jalankan usaha memproses hasil² kita tidak sa-bagai di-jalankan umpama-nya oleh Kementerian Perdagangan yang menggalakan di-dirikan kilang tepong yang besar. Kemudian gandum untok tepong itu bukan gandum yang di-tanam oleh orang sini, tetapi di-bawa masok, di-impot. Padahal kita ada pisang, kita ada ubi yang boleh di-proses di-jadikan bahan pengeluaran yang besar, mendatangkan faedah kapada kaum tani kita.

Jadi, harus kita memberi perhatian yang berat supaya usaha memproses barang² pengeluaran yang boleh mendatangkan hasil yang baik kapada petani² kita patut di-jalankan. Barang² tanaman kita banyak saperti pisang dan lain²-nya. Di-tempat² yang banyak pisang sampai terbiar, sampai hanya

sa-tandan dua sen, tiga sen, lima sen harga-nya—ini barang² yang boleh di-proseskan. Kalau orang banyak men-chontohi Taiwan dalam perkara ini, kenapa tidak di-chontohi usaha Taiwan mengadakan tempat² dan pusat² mem-proses barang² tanaman ini untuk di-jadikan barang² yang boleh di-expot keluar negeri dan memberi hasil yang baik kapada petani² kita dan tidak dengan kita menggalakkan pertumbo-han perusahaan yang memproses barang² yang di-impot dari luar negeri saperti kilang tepong itu.

House resumes.

Mr (Deputy) Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbe-kalan tahun 1967, telah sampai kapada Kepala 12 bagi Jadual dalam Rang Undang² ini. Jawatan-kuasa akan bersidang pada hari esok.

Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 10 pagi esok.

Adjourned at 6.30 p.m.